**DLAP, Menteri perlu adil** MS 3

**Projek '*special span*' dihenti** MS 5



**Riadah anak-anak OKU** MS 21



PERCUMA

buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

16 – 31 OGOS 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# PIP sedia penyelesaian trafik bersepadu

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Konsortium SRS dipilih menjadi Rakan Pelaksana Projek (PDP) bagi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) bernilai RM27 bilion, mulai sekarang hingga tahun 2030.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam pengumumannya memberitahu bahawa PDP perlu mendapatkan semua kelulusan berwajib daripada Kerajaan Pusat dalam tempoh enam bulan, atau menanggung segala kos pengurusan projek jika gagal kelak.

"Isu terpenting hanya akan ditangani apabila semua kelulusan lesen telahpun diperoleh daripada Kerajaan Pusat.

"Cabaran seterusnya adalah membina kerangka kewangan berdasarkan pertukaran tanah (milik Kerajaan Negeri) untuk menanggung kos sekurang-kurangnya RM27 bilion untuk membiayai PIP.

"Selain menangani cabaran kesesakan trafik, Kerajaan Negeri Pulau Pinang yakin bahawa kemakmuran ekonomi kita ini akan dibawa sehingga tahun 2050, jika halangan akhir ini (untuk mendapat kelulusan projek daripada Kerajaan Pusat) berjaya ditangani," ujarnya kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Guan Eng menerima kembali persetujuan surat anugerah (*letter of award*) daripada Ketua Pegawai Eksekutif Gamuda Berhad, Dato' Lin Yun Ling yang mewakili Konsortium SRS.

Majlis tersebut turut disaksikan oleh Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Danny Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan), Dato' Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Negeri) dan Dato' Aliza Sulaiman (Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri).

Menurut Guan Eng, Konsortium SRS dianggotai oleh syarikat berwibawa dalam kejuruteraan, pembinaan dan pembangunan hartanah, seperti Gamuda Berhad yang memegang 60 peratus ekuiti, serta dua syarikat dari Pulau Pinang, iaitu Loh Phoy Holdings Sdn. Bhd. dan Ideal Property Development Sdn. Bhd. yang masing-masing memegang 20 peratus baki ekuiti.

Tambahnya, pendekatan PDP cuba dilaksanakan, selepas keengganan Kerajaan Pusat membina Transit Laju Massa (MRT) demi mengurangkan cabaran kesesakan trafik di negeri ini.

"TMP adalah pendekatan impian besar-besaran ke arah menghadapi kedua-dua cabaran yang paling besar (iaitu) kesesakan trafik dan pengangkutan awam, dengan mengguna pakai pendekatan 'rakyat bergerak, bukannya kenderaan'.

"Pendekatan '*big-bang*' PIP ini menggabungkan udara, air, kereta api dan jalan raya untuk menyediakan penyelesaian 'bersepadu untuk semua' demi mengurangkan kesesakan lalu lintas," jelas beliau.

Terdahulu, Kon Yeow pada 12 Ogos 2015 mengumumkan keputusan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri untuk memberi surat anugerah berwajib, demi mendapatkan maklum balas muktamad daripada pembida terbabit.

Dan, Konsortium SRS pada hari ini, 14 Ogos 2015 telahpun menyatakan persetujuan untuk menerima *letter of award* untuk menjadi Rakan Pelaksana Projek PIP bersama-sama Kerajaan Negeri.



**Kejayaan ekonomi dan sosio-politik Pulau Pinang adalah hasil daripada usaha kolektif semua rakyatnya.**

**"Semua kejayaan ini tidak bermakna sekiranya ia tidak dimiliki bersama. Kita semua harus mengimpikan impian yang sama - Impian Pulau Pinang. Impian Pulau Pinang adalah berjiwa rakyat dan berteraskan undang-undang, serta menumpukan kepada tiga golongan utama iaitu individu, masyarakat dan institusi.**

**"Selamat Menyambut Bulan Kemerdekaan,**

*Lim Guan Eng.*

# Logo baru Komtar harap tarik perhatian umum

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MOHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Penyertaan pada saat-saat akhir Pertandingan Mencipta Logo Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) membawa tuah kepada pereka grafik bebas, Zulkifli Harun yang diumumkan sebagai juara di sini baru-baru ini.

Katanya, pada hari tarikh tutup, beliau sampai di Komtar untuk menyerahkan penyertaannya pada jam 3.30 petang sebelum tempoh masa terakhir beberapa minit selepas itu.

"Sebagai anak jati, saya berbangga dapat berbakti kepada negeri Pulau Pinang.

"Walaupun sumbangan ini (rekaan) kecil, tetapi sangat besar dalam diri saya sendiri," jelasnya pada majlis sidang media pengumuman pemenang Pertandingan Mencipta Logo Komtar oleh Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Wong Hon Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri), Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru) dan Dato' Rosli Jaafar (Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC) turut hadir pada majlis tersebut.



ZULKIFLI Harun (kiri sekali) menunjukkan rekaan logonya sambil merakam gambar kenangan bersama-sama ahli keluarganya pada majlis sidang media pengumuman pemenang Pertandingan Mencipta Logo Komtar oleh Ketua Menteri di sini baru-baru ini.




REKA bentuk logo Komtar yang diumumkan sebagai juara.

Terdahulu, PDC Setia Urus, agensi Kerajaan Negeri yang menguruskan bangunan Komtar menganjurkan pertandingan berkaitan mulai bulan April hingga 5 Mei lepas.

Tambah Zulkifli, beliau menggunakan tempoh masa tiga jam untuk menyiapkan reka bentuk yang membolehkan beliau membawa pulang hadiah bernilai RM3,000.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa warna merah pada logo membawa makna keberanian.

"Ia adalah lambang keutuhan dan semangat bangunan Komtar yang menjadi lokasi penghubung, pusat pertemuan dan mercu tanda negeri Pulau Pinang.

"Reka bentuk yang 'ringkas' juga menunjukkan erti kata *enjoy,* relaks dan bersahaja. Malah, lambang bangunan Dome berbentuk separa bulatan turut diselitkan kerana ia (bangunan) bagaikan isi dengan kuku dengan bangunan Komtar," jelas beliau.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, usaha memulihara semula bangunan 65 tingkat dan tertinggi yang menjadi mercu pentadbiran Kerajaan Negeri sejak didirikan pada 1988 diharap dapat menggamit perhatian orang ramai, termasuk pelancong ke negeri ini.

"Untuk memulihkan Komtar, kami rasakan adalah perlu untuk mercu kebanggaan negeri ini mempunyai logo tersendiri.

"Logo ini secara langsung akan dapat 'menangkap' perhatian orang ramai terhadap bangunan tersebut," ujarnya.

Tiga finalis lain ialah Owen Ow Chong Boon, Ler Hui Min dan Nik Mohd. Fadhil Mohamed yang masing-masing menerima hadiah berupa RM500.

# Transformasi negeri ke arah lebih bersih, hijau, sihat & selamat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang pernah digelar sebagai negeri 'darul sampah' satu ketika dahulu, namun, sejak tampuk pemerintahan Kerajaan Negeri bertukar tangan pada tahun 2008, gelaran tersebut sama sekali meleset.

Buktinya di depan mata, sepanjang tempoh tersebut hingga kini, Kerajaan Negeri kini dilihat telah melakukan transformasi merangkumi aspek kebersihan, kehijauan, keselamatan dan kesihatan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan Majlis Pelancaran Perayaan Ulang Tahun Ke-lima Inisiatif Cleaner, Greener, Safer & Healthier Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif serta Ahli-ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan MPSP.

Bersempena sambutan berkenaan, pelbagai agensi kerajaan serta swasta turut mengadakan pameran masing-masing. Antaranya, Jabatan Kesihatan Pulau Pinang, Jabatan Taman Botani, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tabung Hidupan Liar Sedunia - Malaysia (WWF Malaysia), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), *Penang Green Council* (PGC), MBPP, MPSP dan lain-lain.

Menurut Guan Eng, dengan sokongan dan komitmen yang ditunjukkan semua pihak, beliau yakin bahawa Pulau Pinang boleh mencapai tahap kebersihan yang holistik termasuk di peringkat dunia setaraf dengan bandar raya antarabangsa menjelang tahun 2025.

"Genap lima tahun semenjak inisiatif ini dilancarkan di tepi *Prangin Canal,* iaitu salah sebuah kawasan yang paling kotor di George Town pada 22 Mei 2010, kini kawasan tersebut bakal dibangunkan sebagai pusat warisan yang mana akan menarik lebih ramai pengunjung serta artis-artis dari serata dunia ke sini," ujarnya.

Tambah beliau, antara inisiatif-inisiatif lain yang dilaksanakan Kerajaan Negeri adalah seperti menggiatkan aktiviti penanaman pokok, penstrukturan semula pihak berkuasa tempatan (PBT) berhubung aspek pungutan sampah,



PASUKAN petugas MPSP turut terlibat dalam pameran Majlis Pelancaran Ulang Tahun Ke-lima Inisiatif Cleaner, Greener, Safer & Healthier Pulau Pinang.

penambahbaikan bidang pekerjaan 3D (*dirty, dangerous & difficult)* merangkumi pelaksanaan bidang-bidang tugas mencabar, penekanan kepada usaha kitar semula, menaiktaraf fasiliti awam dan rakyat, insentif kepada rakyat, penambahan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), lorong basikal dan pelbagai lagi.

Dalam pada itu, menurut Kon Yeow, pendekatan Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat perlu dijadikan sebagai suatu gaya hidup rakyat negeri ini.

"Hanya dengan menjadikan slogan ini sebagai gaya hidup, kita akan mampu melihat perubahan ketara yang bakal terjadi kepada Pulau Pinang, negeri kita boleh ditransformasikan kepada sebuah negeri mampan," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

# Kelulusan DLAP, Exco gesa Menteri bertindak adil

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Putrajaya digesa menjelaskan secara terperinci mengenai 81 pemohon Lesen Pemajuan Dan Permit Iklan (DLAP) projek ke negeri ini serta jumlah sebenarnya Nilai Pembangunan Kasar (GDV) yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Pusat.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Pusat dianggarkan mendapat sumber berpuluh bilion ringgit sekiranya tidak melengah-lengahkan proses kelulusan DLAP yang dimohon oleh pemaju berwajib.

"Daripada 81 projek pemajuan ini, kita (Kerajaan Negeri) nak tahu siapakah pemajuan dan berapakah Nilai Pembangunan Kasar (GDV) yang saya sudah pasti akan mencecah berpuluhan bilion ringgit.

"Ini kerana, dalam mana-mana projek pemajuan, akan ada pembayaran cukai (DLAP) kepada Kerajaan Pusat juga," tegasnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Turut serta, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti).

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam Jawapan Lisan kepada Guan Eng (Ahli Parlimen Bagan) di Dewan Rakyat pada 6 April lalu antara lain mendedahkan sebanyak 48 pemohonan DLAP untuk Pulau Pinang dalam tempoh bulan Ogos 2014 hingga 2015.

Daripada jumlah itu, 30 permohonan masih disemak untuk kelulusan, manakala 18 yang lain telahpun diluluskan.

Jagdeep dalam surat rasmi kepada Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Mohammad Mentek pada 24 Jun lalu menggesa diperjelas punca kelewatan proses kelulusan DLAP berwajib.

Jagdeep dalam sidang media 13 Julai lalu, turut mengumumkan langkah Kerajaan Negeri untuk meneroka serta mengkaji langkah perundangan sewajarnya, demi mendepani layanan dingin daripada Putrajaya.

Ekoran itu, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Datuk Mohamad Yusoff Ghazali dalam satu surat rasmi bertarikh 27 Julai menjelaskan bahawa kementerian menerima 81 permohonan DLAP dari negeri Pulau Pinang dan sebanyak 34 permohonan telahpun diluluskan.

Reaksi terbaru itu akhirnya dipersoal oleh Jagdeep pada sidang media berkaitan.

"Yang mengejutkan ialah sehingga 27 Julai 2015, sebanyak 81 permohonan, suatu jumlah yang begitu besar berbanding 48 permohonan sehingga bulan Februari lalu...ertinya 33 permohonan dalam tempoh empat bulan.

"Kita (Kerajaan Negeri) nak tahu apakah sebab kelewatan ini, kerana semua permohonan DLAP ini tidak ditolak dan tiada jawapan mengenainya oleh kementerian," tegas Jagdeep sambil memberitahu bahawa beliau akan menulis sepucuk surat rasmi lagi kepada kementerian berhubung perkara berbangkit tersebut.



**JAGDEEP Singh Deo menunjukkan salinan surat rasmi daripada Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara bertarikh 27 Julai 2015 pada sidang media di sini baru-baru ini.**

## Pembekalan rumah mampu milik kekal prioriti utama KN

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Pembekalan perumahan mampu milik tetap menjadi prioriti utama Kerajaan Negeri di kelima-lima daerah bagi tempoh 15 tahun ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sejumlah 22,512 unit rumah mampu milik dari 12 projek telah dikenalpasti untuk dibangunkan.

"Sekurang-kurangnya empat projek dari 12 projek sedang dilaksanakan, termasuk projek pertama Bandar Cassia di Batu Kawan yang dijangka siap sepenuhnya tahun hadapan," katanya ketika menyampaikan ucaptama pada Persidangan Meja Bulat Hartanah FIABCI – PIP 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Turut hadir, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar, Pengerusi Pengelola Persidangan, Khor Siang Gin, jawatankuasa serta ahli-ahli FIABCI Wilayah Utara dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA).

Menurut Guan Eng, sektor swasta termasuk syarikat-syarikat pemaju swasta juga menyokong penuh dasar perumahan mampu milik Kerajaan Negeri.

"Sehingga ke hari ini, sejumlah 12,606 unit rumah mampu milik yang dimajukan syarikat pemaju swasta telah diserahkan kepada pihak berkuasa untuk jualan," jelasnya.



**(Barisan depan, dari kanan), ROSLI Jaafar, Maimunah Mohd. Sharif dan Patahiyah Ismail turut hadir.**

Sungguhpun begitu, beliau memberitahu, terdapat beberapa halangan yang dihadapi Kerajaan Negeri dalam pembekalan rumah mampu milik kepada rakyat Pulau Pinang.

"Salah satu darinya, pengeluaran Permit Pengiklanan dan Lesen Pemaju atau *Advertising Permits and Developers* Licences (APDL) bagi kedua-dua sektor swasta mahupun negeri, biasanya mengambil masa dua minggu sahaja untuk pemprosesan sengaja dilewat-lewat oleh Kerajaan Pusat," kata beliau.

Guan Eng memberitahu, dari 48 permohonan lesen yang dibuat dari bulan Ogos 2014, hanya 18 (lesen) diluluskan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sehingga April tahun ini.

"Sekarang sudah bulan Ogos 2015, sudah setahun, dan saya sendiri tidak pasti berapa lagi bilangan permohonan yang ditangguhkan termasuk baki bilangan permohonan terdahulu dan yang dihantar untuk diproses tahun ini.

"Saya sendiri difahamkan bahawa pemaju yang memohon APDL telah mematuhi semua syarat-syarat ditetapkan dan tidak ada sebab untuk KPKT menahan atau menangguhkan permohonan APDL mereka," tegasnya.

Selain itu, Guan Eng menyatakan bahawa halangan lain yang dihadapi adalah kadar penolakan pinjaman bank perdagangan bagi pinjaman perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik adalah tinggi.

"Saya telah membahaskan di Parlimen untuk memperkenal semula Skim Pemaju Tanggung Faedah *(Developer Interest Bearing Scheme, DIBS)* bagi pembeli rumah kali pertama dan akan terus membangkitkan hal yang sama demi kesejahteraan rakyat," katanya yang berharap agar bank-bank perdagangan melonggarkan syarat pemberian pinjaman kepada pemohon perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi merealisasikan impian rakyat Pulau Pinang memiliki rumah pertama mereka.

Dalam pada itu, Jagdeep ketika ditemui berkata, Kerajaan Negeri mungkin perlu mempertimbang semula takat pendapatan isi rumah bagi pembeli rumah mampu milik untuk mengurangkan kadar penolakan oleh pihak bank.

"Pada masa ini, takat pendapatan isi rumah antara RM6,000 hingga RM10,000 adalah bagi rumah mampu milik bernilai antara RM200,000 hingga RM400,000.

"Sekiranya kita perlu meningkatkan takat pendapatan isi rumah ke RM9,000 hingga RM15,000, ia pastinya boleh mengurangkan kadar penolakan pinjaman bank, tetapi ia tidak mencapai objektif Kerajaan Negeri untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah," jelas beliau.

Jagdeep menambah, kompromi dapat dipenuhi sekiranya Kerajaan Negeri memperkenalkan jenis skim baru yang mampu dimiliki pada harga RM150,000 dengan takat pendapatan adalah RM6,000 dan ke bawah.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan tetap berusaha mencari penyelesaian bagi membolehkan rakyat Pulau Pinang memiliki rumah pertama mereka," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

# Nilai RM susut sukarkan Malaysia capai sasaran 2020 - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** – Kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia (RM) yang mencecah sekitar RM4 bagi sedolar AS baru-baru ini memungkinkan negara sukar untuk mencapai status 'negara berpendapatan tinggi' pada tahun 2020, dengan sasaran pendapatan negara kasar per kapita sejumlah AS$15,000 setahun.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Malaysia dijangka memerlukan lima sehingga 10 tahun lagi selepas tahun 2020 nanti untuk mencapai sasaran tersebut, jika mengambil kira realiti kejatuhan nilai mata wang negara, kini.

"Daripada AS$12,000 (pendapatan negara kasar per kapita), sekarang tinggal AS$10,000, (ertinya) kita telah hilang AS$2,000.

"Berapakah (nilai) AS$2,000, (menyamai) hampir RM8,000...(disebabkan) penurunan mata wang Ringgit berbanding nilai dolar AS?

"Untuk mencapai pendapatan (negara kasar per kapita) AS$15,000, kita perlu tunggu lima tahun lagi (tahun 2025) hingga 2030," jelasnya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir) dan Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) turut berucap pada majlis tersebut.

Ahli Parlimen Gelang Patah, Lim Kit Siang, Khalid Samad (Ahli Parlimen Shah Alam), Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa (Ahli Parlimen Parit Buntar), Tuan Haji Mohamad Sabu (bekas Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang) merupakan antara tetamu Kerajaan Negeri yang turut berucap pada majlis tersebut.

Tambah Guan Eng, krisis kewangan dalam syarikat pelaburan negara 1Malaysia Developement Berhad (1MDB) yang menjadi perhatian dunia serta dalam negara merupakan salah satu faktor menggugat keyakinan awam kepada nilai RM.

"Inilah kesan apabila nilai Ringgit turun, inilah kesan 1MDB," tegas beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng menuntut Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak membuktikan bahawa beliau masih mempunyai integriti, selepas didedah sejumlah RM2.6 bilion 'disumbangkan' oleh pihak tertentu dalam akaun peribadinya.



**KETUA Menteri dan para tetamu lain memotong 'Kek Perpaduan' sebagai gimik mengukuhkan sokongan rakyat pelbagai kaum terhadap Kerajaan Negeri pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Ketua Menteri di sini baru-baru ini.**

## Tempoh pemprosesan agensi antara sebab permohonan tidak selesai

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**GEORGE TOWN** – Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy memberitahu bahawa tempoh pemprosesan yang tidak dapat ditetapkan membabitkan agensi-agensi kerajaan berkaitan merupakan antara masalah yang dihadapi Pegawai Pembantu Kewarganegaraan dilantik Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah serta permohonan membabitkan golongan yang mempunyai masalah kerakyatan di negeri ini.

Katanya, agensi-agensi terlibat adalah Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen dan Kementerian Dalam Negeri yang mana permohonan-permohonan seperti sijil lahir, kad pengenalan, kewarganegaraan dan kes-kes imigresen adalah bergantung secara langsung dengan pihak-pihak terbabit.

"Selain itu, masalah birokrasi yang mana membabitkan permohonan-permohonan yang memerlukan carian dokumen yang banyak, pemohon gagal dalam ujian Bahasa Malaysia, carian dokumen tidak berjaya dan karenah agensi juga kes menyebabkan banyak serta permohonan tidak dapat diselesaikan," katanya pada majlis sidang media Program Kewarganegaraan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



**DR. P. Ramasamy (duduk, tengah) meneliti laporan dan dokumen-dokumen Program Kewarganegaraan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sambil diperhatikan Pegawai-pegawai Pembantu Kewarganegaraan dilantik pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Turut hadir, lima Pegawai Pembantu Kewarganegaraan yang dilantik bagi setiap daerah di negeri ini, iaitu, Chiam Heng Hak bagi Daerah Timur Laut; Abdul Rahim Mohamed Nor (Daerah Barat Daya); K. Ketenasamy (Daerah Seberang Perai Utara); P. Rachenamorty (Daerah Seberang Perai Tengah) dan R. Gunalan (Daerah Seberang Perai Selatan).

Penubuhan Jawatankuasa Pembantu Kewarganegaraan yang dilancarkan pada Februari 2013 adalah sebagai inisiatif khas dalam menyelesaikan masalah kerakyatan di Pulau Pinang. Susulan itu, lima Pegawai Pembantu Kewarganegaraan yang ditempatkan di setiap daerah turut dilantik bagi melancarkan pelaksanaan program berkaitan.

Menurut Ramasamy, dari tempoh 1 Februari 2013 hingga 30 Jun 2015, sebanyak 553 individu telah dibantu oleh Pegawai-pegawai Pembantu Kewarganegaraan berhubung permohonan untuk memperoleh sijil kelahiran, MyKad Biru, status kewarganegaraan dan lain-lain. (Rujuk lampiran A).

"Bagi tempoh tersebut, sebanyak 37 kes telah berjaya diselesaikan manakala 19 ditolak membabitkan permohonan MyKad Biru (18) dan permohonan permit masuk (1)," jelas beliau.

Mengulas lanjut Ramasamy memberitahu bahawa Program Kewarganegaraan tersebut merupakan sebuah program yang menyeluruh dalam membantu rakyat bagi memperoleh status kewarganegaraan.

"Status warganegara ini bukan sahaja bagi menyelesaikan masalah seperti pendaftaran sekolah dan bantuan kerajaan, malah, ia juga akan memudahkan seseorang individu terbabit mendapatkan perkhidmatan yang selayaknya sebagai seorang warganegara," ujarnya.

*Nota: Sila rujuk maklumat Pegawai-pegawai Pembantu Kewarganegaraan di muka surat 13.*

**Lampiran A**

| BIL | JENIS KES | DTL | DBD | SPU | SPT | SPS | JUM. KES BERJAYA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Daftar lewat Sijil Kelahiran | - | - | 3 | 3 | 10 | **16** |
| 2 | Daftar lewat Kad Pengenalan | 1 | 1 | - | 8 | - | **10** |
| 3 | Permohonan Kewarganegaraan | 3 | - | 2 | - | 1 | **6** |
| 4 | Kes-kes Imigresen | 4 | - | 1 | - | - | **5** |
| 5 | Lain-lain kes | - | - | - | - | - | **0** |
| 6 | Jumlah kes berjaya | **8** | **1** | **6** | **11** | **11** | **37** |

# KM arah buka jalan, projek '*special span*' henti serta-merta

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** – Kerja-kerja pemasangan tiga bahagian rentasan utama atau rentang tuju '*special span*' lebuh raya bertingkat yang merintangi Sungai Keluang dekat Bayan Baru akan dihentikan serta-merta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bagaimanapun berkata, kerja-kerja susulan yang berisiko rendah atau langsung tiada risiko boleh dilaksanakan tiap-tiap hari mulai jam 11 malam hingga 5.30 pagi yang mana laluan tersebut akan ditutup pada tempoh masa itu bermula 18 Ogos 2015.

"Kerja-kerja membina '*special span*' ini mesti dihentikan serta-merta dan tidak boleh dijalankan sehingga suatu penilaian bebas dijalankan oleh jurutera perunding yang akan dilantik pihak Kerajaan Negeri, tetapi kosnya dibiayai oleh (pemaju) UEM Builders Bhd..

"Hanya selepas penilaian mereka siap dan diluluskan oleh jurutera perunding yang dilantik Kerajaan Negeri, barulah kerja-kerja menyiapkannya boleh dijalankan.

"Mereka (UEM) hanya dibenarkan melaksanakan kerja-kerja susulan yang mempunyai risiko amat rendah atau tidak ada sama sekali," jelasnya pada majlis sidang media kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Ketetapan itu dibuat selepas Guan Eng berbincang dengan Pengarah Kanan Cawangan Jalan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR), Datuk Hasnul Mohamad Salleh dan Ahmad Fauzi Ali (Pengurus Projek UEM Builders Bhd.) yang turut hadir pada majlis sidang media berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru), Mohd. Yusup Zahidin (Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Projek Khas Zon Utara JKR) dan Ir. Ismade Ismail (Pengurus Pemajuan bagi UEM Builders Bhd.).



'*SPECIAL span*' yang dalam proses pembinaan.

Tambah Guan Eng, cadangan membuka semula jalan-jalan berwajib demi mengelak kesesakan trafik di kawasan pemajuan sekaligus turut berisiko kepada pengguna jalan raya.

Justeru, beliau mengarahkan JKR menggandakan pemantauan pada struktur binaan projek Kerajaan Pusat itu, demi mengelak insiden seperti runtuhan penyambung susur keluar Jambatan Kedua Pulau Pinang (JK2PP) yang meragut empat nyawa pengguna jalan raya tersebut pada awal bulan Jun 2013 daripada berulang lagi.

"Kalau langsung tidak mahu risiko, kena tutup jalan... memang ada risiko jika jalan ini dibuka semula, disebabkan krisis kesesakan yang begitu teruk apabila cadangan lencongan trafik gagal (secara berjadual) gagal dibaiki oleh JKR," jelas beliau.

Difahamkan, tiga bahagian rentang tuju yang bakal dibina dalam projek tersebut umumnya adalah kedua terpanjang di Malaysia dengan berat keseluruhan konkrit adalah 14,000 tan.

"Binaan ini setinggi tiga tingkat bangunan, kira-kira 13 kali ganda lebih berat dari (bahagian konkrit penyambung) yang runtuh di Jambatan Kedua Pulau Pinang dahulu.

"(Rentang tuju) ini adalah paling besar di Malaysia untuk jalan empat laluan, sebab ada satu (rentasan tuju) di Sarawak sepanjang 180 meter untuk jalan dua laluan

## Trafik sesak, UEM minta maaf



AHMAD Fauzi Ali.

**GEORGE TOWN** – Pemaju, UEM Builders Bhd. secara terbuka memohon maaf kepada seluruh warga Pulau Pinang kerana pelaksanaan projek Kerajaan Pusat membina '*special span*' sejak 17 Ogos lalu mengakibatkan "krisis kesesakan trafik" yang teruk hingga menggamit amarah pengguna jalan raya terhadap Kerajaan Negeri.

"Kami dari pihak UEM ingin memohon maaf atas kesesakan lalu lintas yang luar biasa, yang berlaku pada hari pertama pelaksanaan lencongan trafik," kata Pengurus Projek UEM, Ahmad Fauzi Ali pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sin baru-baru ini.

Sebelum itu, Guan Eng mengumumkan pembukaan jalan berwajib seperti biasa, dengan kerja-kerja berisiko tinggi diberhentikan serta-merta dalam satu tempoh yang akan ditetapkan Negeri.

"Kita (Kerajaan Negeri) nak menekankan betapa pentingnya proses (pemajuan) itu, ia hendaklah selamat mengikut piawaian keselamatan antarabangsa... menjamin kelancaran trafik pengguna jalan raya," tegas Guan Eng.

# Pengiktirafan MBOR, kejayaan bersama semua kakitangan MPSP - YDP

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) diiktiraf oleh *The Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di tanah air ini yang berjaya mendapat lima pensijilan bagi sistem pengurusan berteraskan kualiti.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif atas kejayaan itu, sekaligus menjadi kebanggaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Tahniah kepada Dato' Maimunah (Maimunah) kerana berjaya membawa MPSP hingga disenaraikan dalam MBOR.

"Ini, membuktikan bahawa tindakan Kerajaan Negeri melantik Yang di-Pertua (YDP) dan Datuk Bandar dalam kalangan kakitangan kerajaan yang mampu membuat kerja walaupun seorang wanita, adalah di landasan yang betul," ujarnya pada Majlis Penyerahan Sijil MBOR di sini baru-baru ini.

Difahamkan, MPSP berjaya mendapat sijil Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 (QMS), Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 140001:2004 (EMS), Sistem Pengurusan Keselamatan dan Keselamatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007, Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 (EnMS) dan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (QEMS).

Sebelum itu, (Maimunah) dalam ucapannya memberitahu bahawa pengiktirafan kepada MPSP itu sebenarnya berkat kerja secara berpasukan.

"Ini sebenarnya bukan kejayaan seorang Maimunah sahaja, tetapi ini adalah kejayaan bersama semua kakitangan MPSP, serta sokongan tidak berbelah-bahagi daripada Kerajaan Negeri sendiri pada setiap rancangan kita (PBT) untuk meningkatkan mutu pengurusan serta mutu pelanggan," jelas beliau.

Dalam perkembangan lain, Maimunah memberitahu bahawa MPSP sedang berusaha mendapatkan pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (SMS ISO 27001:2013).

"Pensijilan kualiti ini juga merupakan satu usaha yang dilihat oleh PBT-PBT yang maju di dunia ini untuk menjalinkan persahabatan dua hala.




**MAIMUNAH Mohd. Sharif (sembilan dari kanan) dan Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) menunjukkan replika sijil MBOR sambil merakam gambar kenangan bersama-sama kakitangan dari Bahagian Pentadbiran MPSP pada majlis penyerahan pengiktirafan berkaitan di sini baru-baru ini.**

"MPSP dapat menjalinkan hubungan di peringkat antarabangsa, contohnya dengan Seoul (Korea) dan kita juga akan menandatangani Memorandum Persefahaman dengan *Yokohama City Council* tidak lama lagi," jelas beliau.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta dua Ahli Majlis lain, Loh Joo Huat dan Amir Md. Ghazali turut menyertai sidang media tersebut.

# KM serah sumbangan kepada mangsa bom Bangkok

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & LAW SUUN TING**

**SUNGAI PUYU** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyampaikan sumbangan keseluruhan berjumlah RM10,000 kepada semua waris lima warga Pulau Pinang yang terbunuh dalam kejadian ledakan bom di Bangkok pada 17 Ogos lalu.

"Sekali lagi saya ingin merakamkan takziah atas kehilangan besar untuk ahli keluarga yang terkorban dalam tragedi yang mengerikan semua kita.

"Terima kasih juga kepada Kerajaan Thailand atas kerjasama yang disumbangkan," jelasnya selepas menziarahi kelima-lima mangsa terbabit dalam dua upacara penghormatan terakhir di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Konsul Jeneral Thailand ke Pulau Pinang, Ekajit Khaivichien, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang, Wong Hon Wai selaku Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Soon Lip Chee (Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi), Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Setiausaha Majlisnya, Sr. Rozali Mohamud dan Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, Saodah Nawawi.

Mereka yang terkorban adalah Lim Saw Sek, 52, Lee Tze Siang, 35, Lee Jing Xuan, 4, Neoh Jai Jun, 20, dan Lim Saw Gek, 49.

Dua anggota keluarga lain, Neoh Hock Guan, 55, dan anaknya, Neoh Ee Ling, 33, masing-masing cedera di beberapa bahagian badan.



**KETUA Menteri sambil ditemani Law Choo Kiang (kiri sekali) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain menyerahkan sumbangan kepada Neoh Hock Guan ketika menziarahi upacara penghormatan terakhir mangsa-mangsa berkenaan di sini baru-baru ini.**

Sementara itu, Neoh Kah Loon, 26, iaitu abang kandung kepada mendiang Jai Jun memberitahu, beliau tidak menyangka bahawa percutian musim panas ahli keluarganya itu bertukar menjadi tragedi mengerikan.

"Ayah mengambil cuti kerana tak kerja pada 'Hari Hantu Lapar', ahli keluarga lain sertai percutian kerana nak rai adik saya yang berumur 20 tahun mendapat surat tawaran masuk ke sebuah universiti terkemuka di Taiwan.

"Bukan mudah menerima semua (ketentuan takdir) ini, saya dan ahli keluarga memang memerlukan masa untuk mengenangkannya," jelas Kah Loon kepada wartawan.

# Exco tinjau potensi pelancongan pertanian sekitar Sungai Muda

**PENAGA** – Sepanjang lembangan Sungai Muda di negeri ini serta kawasan pinggiran sekitarnya dilihat mempunyai potensi untuk dijadikan destinasi pelancongan pertanian, selepas Rancangan Tebatan Banjir (RTB) secara berperingkat sejak tahun 2004 yang menelan belanja RM1.35 bilion hampir selesai, kini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Tebatan Banjir, Dr. Afif Bahardin berkata demikian semasa mengadakan lawatan kerja dari perairan Sungai Tembus sehingga ke pintu air terbesar negeri di Sungai Muda, yang menjadi sempadan Pulau Pinang dan negeri Kedah.

"Sebelum banjir besar pada tahun 2004 dan RTB ini dilaksanakan kemudiannya, memang banyak aktiviti ekonomi di sepanjang Sungai Muda ini, seperti ternak ikan dalam sungai dan aktiviti ekonomi penduduk setempat di pinggir sungai.

"Kita membuat lawatan ini untuk melihat semula potensi pelancongan pertanian dan sebagainya, untuk manfaat komuniti setempat," jelasnya kepada wartawan pada sesi lawatan tersebut di sini baru-baru ini.

Jurutera Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) bagi Daerah Seberang Perai Utara, Saiful Rizan Sanusi dan Penolong Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Mohd. Khairi Md. Salleh turut sertai lawatan kerja itu.

Dalam perkembangan sama, Afif turut mengadakan lawatan ke pinggir Sungai Muda dekat Permatang Bendahari, yang suatu masa dahulu pernah menjadi pusat kegiatan ekonomi pinggir sungai terkenal di rantau ini.

Beliau meninjau Dataran Banjir di sepanjang kiri dan kanan Sungai Muda di sini, iaitu kawasan yang dibenarkan menerima limpahan air banjir dalam jangka hayat 100 tahun lagi, untuk dijadikan kawasan pelancongan pertanian.

"Saya fikir kawasan-kawasan (Dataran Banjir) ini boleh dipertimbang untuk dijadikan kawasan cadangan projek pertanian.

"Apa-pun, projek yang hendak dilakukan mestilah menitikberatkan kualiti pertanian yang dicadangkan serta tidak sampai mencemarkan Sungai Muda yang menjadi sumber bekalan air mentah utama untuk negeri," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Tambahnya, pihak JPS turut diminta mengenalpasti status rizab tanah sungai yang membabitkan RTB di sepanjang Sungai Muda di Pulau Pinang, sama ada di bawah negeri atau Kerajaan Pusat.

"Kita memang nak mempromosi lagi kawasan ini sebagai pelancongan pertanian.

"Mereka (penggerak pertanian) boleh datang untuk kemukakan proposal, tetapi, pada peringkat akhir ia perlu dirujuk kepada jawatankuasa teknikal, sebelum disokong oleh Kerajaan Negeri," kata Afif.

Sungai Muda sehingga kini direkodkan membekal air mentah ke 6,750 hektar kawasan padi di sekitar Seberang Perai.



**DR. Afif Bahardin (depan, kanan sekali) diiringi Saiful Rizan Sanusi (depan, kiri sekali) serta pegawai lain meninjau kawasan paya 'pokok api-api' yang menjadi tebatan laut di Sungai Tembus di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ME**



# Shaik Hussein lafaz dua kali permohonan maaf kepada Guan Eng

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Shaik Hussein Mydin di luar Kamar Mahkamah Sivil 5, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



31. Jul. 2015 10:52 Aswar Simon & Azhar No. 1092 P.

ASWAR SIMON & AZHAR
Advocates & Solicitors • Peguambela & Peguamcara • Peguam Syari'e

Penang office:
No. 41-5-4, 5th Floor, Wisma Prudential,
Jalan Cantonment,
10250 Pulau Pinang, Malaysia.

Tel: 604-2285211/Fax: 604-2297210
e-mail: aswarsimonazhar@gmail.com

Aswar Bin Arshad LL.B Hons (Malaya)
Simon Tan Hong Jin LL.B (Lond), CLP
Azhar Bin Ahmad LL.B Hons (IIUM)

Alvina Mun Sook Kwan LL.B Hons(Leeds),CLP
Ooi Chin Zin LL.B Hons, CLP
Loo Shin Yee LL.B Hons (MMU)
Mohd Arifhanafi Bin Sani LL.B Hons (IIUM)

(Please quote our reference when replying)

Your Ref : LM/SM/LGE/34/2013.
Our Ref : ST/380/2012
Date : 31/07/2015

M/s Lio & Partners
Advocates & Solicitors
29, Green Hall
10200 Penang.
Tel: 04-264 3445 Fax: 04-264 3448

[ By Hand ]
WITHOUT PREJUDICE

Dear Sir(s),

Re: Penang High Court
Civil Suit No. 22NCVC-853-12/2012
Lim Guan Eng ... Plaintiff
Shaik Hussein Mydin ... Defendant

We refer to the above matter and your letter dated 28/07/2015.

We have been instructed by our client to state that he is only agreeable to paragraph (ii) and paragraph (iii) of your proposal as stated in your said letter dated 28/07/2015.

However, strictly without prejudice to our client's rights of whatsoever nature, our client is willing to settle this matter in these terms:-

(i) Our client will tender an oral apology to your client in the Chamber of the Judge. However, this shall not be recorded in a consent judgment;

(ii) Our client will unconditionally retract the statement he had made to your client;

(iii) Your client is to withdraw this suit against our client;

(iv) There will be no order as to cost for this suit and each party bear their own costs; and

(v) Each party shall have no further claim against each other with regards to the issues of this suit;

Please advise your client accordingly and revert to us as soon as possible.

Yours faithfully,

c.c client

SALINAN surat daripada peguam Shaik Hussein Mydin.

**GEORGE TOWN –** Shaik Hussein Mydin memohon maaf secara lisan sebanyak dua kali kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, dengan disaksikan oleh Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Nordin Hassan di kamarnya, sebelum Penghakiman Persetujuan direkodkan.

Pegawai Undang-Undang Kepada Ketua Menteri, Raja Syarafina Raja Shuib berkata, penyelesaian secara baik di luar mahkamah dipersetujui apabila Shaik Hussein berjanji antara lain untuk memohon maaf secara lisan kepada Ketua Menteri dalam Kamar Hakim serta menarik balik kenyataan berunsur fitnah dalam media tanpa syarat.

"Shaik Hussein Mydin secara lisan telah dua kali memohon maaf kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Lim Guan Eng, di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Pulau Pinang," jelasnya dalam satu kenyataan bertulis di sini baru-baru ini.

Pada 19 Ogos lalu, Guan Eng bersetuju menarik balik saman fitnah yang difailkan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada bulan Oktober 2012, apabila Shaik Hussein bersetuju menarik balik tanpa syarat semua tuduhan yang disiarkan di beberapa media sebelum ini.

Bagimanapun, Shaik Hussein yang juga bekas Ketua Pemuda Umno pada sidang media selepas Penghakiman Persetujuan direkodkan, menafikan pula beliau melafazkan permohonan maaf kepada Guan Eng.

Penyelesaian secara baik di luar mahkamah tersebut melalui suatu Penghakiman Persetujuan bertarikh 19.8.2015 di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Nordin Hassan, telah dijalankan berikutan persetujuan Shaik Hussein untuk melakukan, antara lain, seperti berikut -

(a) membuat tawaran permohonan maaf secara lisan kepada Guan Eng dalam Kamar Hakim; dan

(b) menarik balik kenyataan berunsur fitnah tanpa syarat (*unconditional retraction).*

Bagi mengelakkan keraguan, permohonan maaf secara lisan tersebut tidak dinyatakan di dalam Penghakiman Persetujuan atas permintaan bertulis Shaik Hussein melalui surat daripada peguam beliau bertarikh 31.7.2015, yang mana seterusnya dipersetujui Guan Eng dengan murah hati.

Meskipun demikian, permohonan maaf secara lisan telah sememangnya diutarakan dengan jelas oleh Shaik Hussein kepada Guan Eng sebanyak dua kali di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman serta peguam kedua-dua pihak. Salinan surat daripada peguam Shaik Hussein disertakan di sini.

Pun begitu, Guan Eng pada sidang media berasingan berharap tindak-tanduk Shaik Hussein yang sebelum ini didakwa berniat jahat itu diharap menjadi teladan kepada pemimpin pembangkang Pulau Pinang yang lain.

"Apabila Shaik Hussein Mydin (Shaik Hussein) membuat tuduhan atau membuat fitnah bahawa saya telah menerima rasuah, itu sesuatu yang saya tidak boleh biarkan.

"Di depan Hakim Mahkamah Tinggi, Shaik Hussein Mydin (Shaik Hussein) memohon maaf kepada saya...dan menarik balik kenyataan beliau tanpa syarat.

"Itu sebab, kita tidak memohon (tuntutan) kos kerana yang penting adalah membersihkan nama Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Sebagai Ketua Menteri, tentunya saya ingin memberikan suatu teladan bukan sahaja dicontohi oleh rakan-rakan sejawat saya, tetapi juga kepada rakyat Pulau Pinang," jelasnya pada sidang media bersama-sama peguamnya, Simon Murali di luar Kamar Mahkamah Sivil 5, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di sini.

Tambah Guan Eng, beliau masih belum membuat sebarang pertimbangan muktamad, sama ada mahu mengambil langkah undang-undang atau sebaliknya, ke atas beberapa media yang terbabit menyiarkan kenyataan Shaik Hussein sebelum ini.

Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai, Raja Syarafina dan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti) turut sertai sidang media tersebut.

Salinan dokumen Penghakiman Persetujuan menyatakan bahawa defendan bersetuju menarik balik kenyataan yang dibuat pada 5 Oktober 2012 tanpa syarat (*unconditionally*).

Lanjutan daripada persetujuan defendan untuk menarik balik tanpa syarat kenyataan fitnah bertarikh 5 Oktober 2012, plaintif menarik balik tuntutan terhadap defendan. Kedua-dua pihak turut bersetuju untuk menanggung kos masing-masing, tidak akan melanjutkan sebarang tindakan baru pada masa depan, berhubung kes berbangkit tersebut.

Selepas hampir tiga tahun, akhirnya kes tersebut diselesaikan secara Penghakiman Persetujuan.

# Fasa 2A Majestic Heights jangka siap Januari 2017

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**PAYA TERUBONG –** Projek perumahan Fasa 2A Majestic Heights, Taman Terubong Jaya di sini yang terbengkalai sejak tahun 1998 bakal dibangunkan semula dan dijangka siap pada Januari 2017.

Sehingga kini, difahamkan seramai 230 daripada 311 pembeli telah bersetuju menandatangani dan membayar amaun pendahuluan bernilai RM10,000 bagi membolehkan projek berkaitan berjalan.

Selebihnya iaitu 81 (pembeli) yang lain diberi tempoh sehingga 31 November ini untuk membuat pembayaran bagi menunjukkan minat untuk memiliki unit-unit berkaitan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan upacara pecah tanah penyambungan semula projek tersebut berkata, Kerajaan Negeri umumnya sedar bahawa betapa pentingnya rumah-rumah tersebut, sungguhpun terbengkalai, ianya masih suatu keperluan untuk rakyat terutamanya mereka yang masih belum memiliki rumah.

"Kerajaan Negeri seboleh-bolehnya ingin menyiapkan semua projek-projek yang terbengkalai di seluruh Pulau Pinang.

"Ini kerana, kejayaan menyambung semula projek-projek terbengkalai ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri baru ini berjaya menyelesaikan apa yang kerajaan dahulu sepatutnya lakukan," ujarnya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Exco Kebajikan dan Masyarakat Penyayang, Phee Boon Poh, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi), Lim Hock Seng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin, ADUN Air Itam, Wong Hon Wai, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ram Kapal Singh dan Pengerusi PLB, Datuk Seri Ong Choo Boon.

Syarikat PLB Land Sdn. Bhd. merupakan pemaju dilantik bagi menyiapkan baki 30 peratus projek Fasa 2A Majestic Heights berkenaan.



BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri meninjau keadaan blok-blok Fasa 2A Majestic Heights yang terbengkalai sejak tahun 1998 pada upacara pecah tanah penyambungan semula projek tersebut di sini baru-baru ini.

# Sokong karya seni anak tempatan, jadikan PP destinasi penggambaran filem

Teks & Gambar : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari menyeru agar seluruh rakyat Malaysia menyokong hasil karya seni anak-anak tempatan dalam usaha memartabatkan sentuhan seni negara ini.

Menurutnya, bakat-bakat tempatan juga mampu mencipta kejayaan bukan sahaja di tanah air bahkan di persada antarabangsa.

Oleh demikian, katanya, Kerajaan Negeri sedaya upaya memberi galakan dan sokongan supaya bakat-bakat tempatan yang dilahirkan tidak disia-siakan, sebaliknya membantu merancakkan lagi perkembangan industri seni tanah air.

"Hakikatnya, banyak karya seni keluaran tempatan jauh lebih baik berbanding luar negara, tetapi disebabkan sikap segelintir rakyat Malaysia yang sering menyanjung karya luar negara menyebabkan bakat-bakat tempatan yang berpotensi besar terkubur begitu sahaja," ujarnya pada sidang media khas mempromosikan filem *Lurking Woods*, sebuah filem hasil terbitan anak jati Pulau Pinang.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng, penerbit filem *Lurking Woods,* Rod Manikam, penolong penerbit, Darryl Westrup dan pengarah filem, Rizal Halim.

Menurut Zairil, dalam usaha memartabatkan industri perfileman tempatan dan mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi penggambaran filem, sebuah Jawatankuasa Filem Negeri Pulau Pinang telah ditubuhkan awal tahun ini.

"Jawatankuasa ini sedia membantu anak-anak jati Pulau Pinang dan artis-artis tempatan untuk mempromosikan hasil karya mereka selain membantu artis serta penerbit dari dalam dan luar negara untuk membuat penggambaran di Pulau Pinang.

"Sebelum inipun, 20 hingga 30 buah filem termasuk drama bersiri menjalankan penggambaran di Pulau Pinang, antaranya, drama bersiri *Indian Summers* yang akan menyambung penggambaran mereka untuk lima musim lagi di Bukit Bendera," ujarnya yang berharap lebih ramai lagi dalam kalangan anak seni kembali ke Pulau Pinang untuk bergiat dalam penerbitan filem-filem tempatan.

Dalam pada itu, Kah Peng melahirkan rasa teruja apabila lebih banyak produksi filem dan drama dari luar negara memilih Pulau Pinang sebagai destinasi penggambaran, antaranya, produksi dari Singapura, Indonesia, Taiwan dan Great Britain.

"Inilah kekuatan Pulau Pinang yang menjadi kebanggaan semua, bangunan–bangunan dan seni bina zaman kolonial masih indah terpelihara dengan suasananya dan pertembungan pelbagai kebudayaan melahirkan sesuatu yang unik serta harmoni yang mungkin tidak dapat dinikmati di mana-mana dalam negara," katanya selaku Pengerusi Jawatankuasa Filem Negeri Pulau Pinang.

Filem *Lurking Woods* bakal dipertontonkan di pawagam-pawagam terpilih mulai Oktober ini dan ia merupakan sebuah filem terbitan *Rodman Pictures Pty. Ltd.* yang menggunakan khidmat pelakon serta krew produksi 100 peratus dari Australia. Menariknya, filem tersebut diarahkan sepenuhnya oleh anak tempatan, Rizal, yang pernah membintangi filem Waris Jari Hantu dan DIA.




**(Dari kiri), DARRYL Westrup, Rizal Halim, Rod Manikam, Zairil Khir Johari dan Cheah Kah Peng menunjukkan poster promosi filem *Lurking Woods* pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**



**RIZAL Halim (tengah) ketika diwawancara pihak media.**

# Pemenang peraduan mewarna & teka silang kata bakal diumum

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Peraduan Bakat Si Cilik – Mewarna 2.0 secara rasminya ditutup pada 31 Julai lalu dengan penerimaan sebanyak 1,492 penyertaan di sini baru-baru ini.

Peraduan yang terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah tersebut dilangsungkan bermula pada 1 Mac lalu.

Saringan awal penyertaan telah diadakan dengan pemilihan 50 pemenang untuk ke peringkat akhir yang bakal diadakan dalam tempoh terdekat.

Hadiah utama adalah merupakan wang tunai bernilai RM200 diikuti, kedua (RM150), ketiga (RM100) dan 20 saguhati.

Sementara itu, peraduan Teka Silang Kata – Sejarah Pulau Pinang yang berlangsung pada 1 Februari hingga 30 Jun 2015 juga memperlihatkan sambutan memberangsangkan dengan 2,221 penyertaan secara keseluruhan.

Selain mencabar minda melalui 14 soalan berkaitan sejarah Pulau Pinang, peraduan yang menawarkan hadiah wang tunai RM500 tersebut juga mengkehendaki seseorang peserta melengkapkan slogan secara kreatif.

Nantikan pengumuman barisan para pemenang daripada pihak sidang redaksi Buletin Mutiara. Semua pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon.



▲ **KAKITANGAN Sidang Redaksi Buletin Mutiara melakukan saringan awal peraduan Bakat Si Cilik-Mewarna 2.0 di sini baru-baru ini.**



**ANTARA penyertaan yang diterima.**



◄ **MENELITI jawapan peraduan Teka Silang Kata – Sejarah Pulau Pinang.**

# Sambutan rumah terbuka Aidilfitri penuh harmoni

**MERIAH...** Suasana Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Jabatan Kewangan Negeri (JKN) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUKPP) di sini meriah dengan kehadiran barisan pimpinan tertinggi Kerajaan Negeri.

Antaranya Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mokhtar Mohd. Jait, barisan Exco Kerajaan Negeri dan ketua-ketua jabatan.

Selain sajian makanan yang pelbagai, apa yang menjadi tarikan adalah gaya serta fesyen-fesyen baju raya yang diperagakan setiap tetamu terutamanya para penjawat awam negeri yang bertandang.

Ironinya, majlis tersebut mempereratkan lagi ikatan silaturahim sedia ada yang mana ia menjadi asas kepada keharmonian serta perpaduan pasukan kerja Kerajaan Negeri Pulau Pinang.




**SEBAHAGIAN kakitangan JKN merakam kenangan bersama Mokhtar Mohd. Jait (tengah, berbaju Melayu jingga) pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri JKN di sini baru-baru ini.**



**AKSI *wefie* para kakitangan Bahagian Sumber Manusia PSUKPP.**



**KETUA Bahagian Belanjawan JKN, Hashimah Mohamed Hashim (tengah) bergambar kenangan dengan kakitangannya.**




**FARIZAN Darus (lima dari kanan) sambil ditemani kakitangan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) menunjukkan tanda bagus ketika beliau mengadakan lawatan ke gerai berkaitan pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri PSUKPP di sini baru-baru ini.**

JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG

**KENYATAAN TAWARAN LOT PERNIAGAAN / PAMERAN PESTA PULAU PINANG 2015**

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal / Pengusaha / Penganjur yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menyertai tawaran seperti berikut berikut :

| Bil | No Rujukan | Tajuk | Tawaran dibuka kepada | Tarikh Jualan Borang / Lawatan Tapak | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **JKNPP 6/ 2015** | Cabutan Undi Lot Perniagaan (Sektor Terbuka) **(kecuali** Sektor Karpet, Toto dan Perhiasan Kayu) **Bahagian 1** dan **Bahagian 2** sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang Tahun 2015. | **Bahagian 1**<br>Semua<br><br>**Bahagian 2:**<br>Peniaga/ Pengusaha Pulau Pinang Sahaja | Tarikh :<br>**14 September sehingga 23 September 2015. (Hari Bekerja Sahaja)**<br><br>Tempat :<br>**Tapak Pesta Sungai Nibong Pulau Pinang**<br><br>Jam :<br>**9.00 Pg – 12.00 Tghari<br>2.45 Ptg – 4.15 Ptg** | Tarikh Cabutan Undi :<br>**29, 30 September & 1 Oktober 2015 ( Selasa, Rabu & Khamis )**<br><br>Jam :<br>**9.00 Pg – 12.00Tghari (Pendaftaran)**<br><br>**2.00 Ptg – 5.00 Ptg (Cabutan Undi)** |
| 2 | **JKNPP 7/ 2015** | Sebut Harga Lot Perniagaan (Sektor Karpet, Toto dan Perhiasan Kayu) sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang Tahun 2015. | Semua | | Tarikh Tutup<br>**28 September 2015**<br><br>Jam :<br>**12.00Tghari** |
| 3 | **JKNPP 8/ 2015** | *Request For Proposal (RFP)* Lot Pameran dan Perniagaan bagi **Gerai A4, Dewan A, Dewan B** dan **Dewan C** sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang 2015. | Semua | | Tarikh Tutup<br>**5 Oktober 2015**<br><br>Jam :<br>**12.00Tghari** |

1. Syarikat / Pembekal / Pengusaha / Penganjur yang ingin menyertai tawaran ini hendaklah mendapatkan borang penyertaan di Pejabat Urusetia Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang pada tarikh dan masa Lawatan Tapak di atas. Bayaran **RM 10.00** dikenakan bagi setiap borang penyertaan yang dijual dan **satu borang hanya terhad untuk satu lot sahaja. Borang tidak boleh difotostat.**

2. Dokumen **Sebut Harga** dan **Request For Proposal** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dengan menyatakan lot gerai/kawasan yang dipohon di **penjuru sebelah kiri sampul**. Dokumen hendaklah dihantar secara manual dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Aras 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang** sebelum tarikh tutup yang dinyatakan di atas.

## Rumah terbuka lambang keindahan P. Pinang

**WARNA WARNI, TEMA UNIK...** Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang disambut penuh warna-warni dan unik dengan bertemakan Hikayat Seribu Satu Malam, Arabian Nights.

Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Haryany Mohamad ketika ditemui memberitahu bahawa penganjuran majlis rumah terbuka yang turut mendapat kerjasama dari Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang pada tahun ini adalah melambangkan keindahan dimiliki warga Pulau Pinang yang berbilang kaum dan budaya.

Turut hadir memeriahkan majlis keraian itu kehadiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersama-sama mantan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Wong Hon Wai.



**HARYANY Mohamad (barisan depan, tengah) bergambar kenangan tetamu istimewa bersempena penganjuran Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**



**GAYA sebahagian kakitangan Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang ketika 'menyambut' ketibaan tetamu.**

# FGT semarak kebebasan seni, ekspresi generasi muda

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**GEORGE TOWN –** Tahun keenam Festival George Town (FGT) 2015 yang berlangsung sepanjang bulan Ogos ini diharap akan menyemarakkan lagi kebebasan bersuara dalam dunia kesenian, kalau tidak di rantau ini, memadailah di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya merakamkan keyakinan yang jitu kepada 'arkitek FGT', Joe Sidek, 56, agar membawa lebih ramai penggiat seni serta peminat dari seluruh rantau ini ke negeri ini.

"Kami percaya kepada kebebasan, kami percaya kebebasan boleh melonjak kemajuan Pulau Pinang ke depan, dan itulah yang saya janjikan melalui FGT ini dan dijamin oleh Joe...(iaitu) apabila anda mengadakan persembahan walaupun agak kritikal di negeri ini, akan ada sambutan dan tidak akan ada gangguan.

"Kita (Kerajaan Negeri) pernah dikritik sejak tahun pertama FGT ini dianjurkan, tetapi, kita (Kerajaan Negeri) teruskan juga kerana kepercayaan kita (Kerajaan Negeri) bahawa kebebasan artistik membawa maksud kebebasan kita juga boleh dikritik dengan bertanggungjawab oleh pengunjung.

"Kebebasan ini akhirnya cukup menggalakkan, banyak keindahan kesenian dan banyak persembahan dari seluruh dunia datang ke Pulau Pinang dan membuat persembahan di George Town," jelas beliau dalam kenyataannya baru-baru ini.

Difahamkan, FGT yang berlangsung selama sebulan pada Ogos ini turut akan menjunjung semangat Hari Kemerdekaan, yang dirai pada tanggal 31 Ogos 2015, sebelum membawa keraian Hari Malaysia pada 16 September nanti.

Persembahan beberapa artistik berprestij dunia dari Iran, Sepanyol dan Poland boleh dinikmati dalam FGT, sebagaimana dalam salah satu sub festival yang dikenali sebagai Festival Pinggiran Butterworth (BFF) yang baru berlangsung di Seberang Perai dengan sokongan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Sebenarnya, banyak lagi sub festival dengan persembahan pentas yang menarik sepanjang FGT, antaranya tarian berkumpul Titanium dari Sepanyol yang menampilkan *'Medley of Flamenco'* serta tarian hip-hop, persembahan solo wanita Anna Skubik yang diterbangkan dari Poland, teater bunyi-bunyian indah dari Iran yang dikenali sebagai *'Slow Sound of Snow'* serta pementasan terbaik dari Australia yang dipanggil *'Am I'*.

FGT kali ini menerima tajaan Kerajaan Negeri sebanyak RM3.5 juta, iaitu peningkatan sebanyak setengah juta ringgit lagi berbanding tahun lalu.

Manakala, agensi persekutuan *Tourism Malaysia* pula menyumbang RM1 juta, iaitu meningkatkan daripada peruntukan tahun lepas yang hanya RM750,000.



**EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng (barisan depan, dua dari kanan) memerhatikan salah satu bahan pameran yang dipamerkan.**

Dianggarkan, purata perbelanjaan untuk pengaturcaraan sahaja mencecah RM4 juta, tetapi 80 peratus daripada sub festival dalam FGT dibuka secara percuma kepada pengunjung, khususnya warga Malaysia dan semestinya yang tinggal di Pulau Pinang.

Harga tiket bagi sesetengah persembahan pentas yang lebih eksklusif pun ditawarkan pada harga serendah RM15 hingga RM125. Jika tiket tempat duduk persembahan seumpama itu di Istana Budaya dekat Kuala Lumpur, barangkali dibeli dengan harga antara RM200 hingga RM500.

Maklumat lanjut mengenai festival-festival sepanjang berlangsungnya FGT, layari, *georgetownfestival.com*.



**PERSEMBAHAN menarik pada Majlis Pelancaran FGT 2015.**




**ROSLI Jaafar (dua dari kanan) dan Shaparel Salleh (kanan sekali) bergambar kenangan dengan sebahagian ahli jawatankuasa penganjur pada Majlis Perasmian Pameran Seni Amal 'Essence of Penang' di sini baru-baru ini.**

## Pameran seni amal nekad bantu golongan istimewa

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **VICTOR SEOW KOO TATT**

**GEORGE TOWN –** Prihatin dengan nasib golongan kanak-kanak istimewa, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang juga seorang penggiat seni, Datuk Rosli Jaafar mengadakan Pameran Seni Amal 'Essence of Penang' di sini baru-baru ini

Turut bersama-sama beliau menjayakan penganjuran berkaitan adalah pelukis sepenuh masa, Shaparel Salleh.

Bersempena penganjuran berkaitan, separuh daripada hasil jualan akan didermakan kepada institusi-institusi pendidikan kanak-kanak istimewa seperti Sekolah Sinar Harapan, Bukit Mertajam dan Pusat Kanak-kanak Kurang Upaya, Jalan Grove di sini.

Kedua-dua pusat berkenaan menyediakan pengajaran kemahiran asas harian, sesi fisioterapi dan kemahiran kognitif bagi membolehkan golongan istimewa terbabit menjalani kehidupan harian seperti biasa.

Menurut Rosli, pengumpul seni juga harus memainkan peranan penting dalam usaha-usaha amal.

"Timbul suatu perasaan kami (Rosli dan Shaparel) untuk tampil membantu mereka yang kurang bernasib baik, ianya adalah satu usaha yang memerlukan kemurahan hati orang ramai.

"Kami akan gembira jika pencinta dan pengumpul seni juga boleh turut membantu merealisasikan impian ini," katanya pada sidang media sempena Majlis Perasmian Pameran Seni Amal 'Essence of Penang' di sini baru-baru ini.

Sebanyak 30 karya bertemakan 'kebebasan' dipamerkan di galeri tersebut.

Rosli merupakan seorang arkitek terlatih dan tidak mempunyai pendidikan formal dalam bidang seni. Melukis dilakukan ketika masa terluang beliau.

Bagi Shaparel, lukisan beliau telah menjadi antara koleksi Bank Negara, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah.

## Audio deskriptif bantu OKU teroka Tapak UNESCO

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) dan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta, Malaysia (*National Council for the Blind, Malaysia, NCBM*) baru-baru ini melancarkan alat audio deskriptif warisan pertama di Malaysia bagi membantu orang-orang cacat penglihatan meneroka Tapak Warisan Dunia UNESCO di sini.

Projek dikenali *Audio Descriptive Walk of George Town's Heritage* tersebut akan memberi peluang kepada golongan berkaitan meneroka perjalanan sejauh tiga kilometer bermula di Gereja St. George's, Lebuh Farquhar sehingga ke Masjid Kapitan Keling di Jalan Masjid Kapitan Keling sebelum berakhir di Masjid Melayu di Jalan Acheen menggunakan alat audio deskriptif warisan.

"Pulau Pinang sekali lagi mencipta sejarahnya tersendiri kerana menyediakan kemudahan pelancongan yang boleh dinikmati oleh semua golongan termasuk mereka yang buta dan orang kurang upaya (OKU)," ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap pada Majlis Pelancaran Audio Descriptive Walk of George Town's Heritage di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Pengurus Besar GTWHI, Lim Chooi Ping dan Ahli Majlis NCBM, Rt. Rev. Charles Samuel.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang, Pengarah Eksekutif NCBM, Moses Choo dan Koordinator *Audio Descriptive Walk of George Town's Heritage* , Lim Chung Wei.

Jelas Guan Eng, dengan adanya kemudahan audio deskriptif berkenaan, golongan cacat penglihatan dapat 'merasai' menerusi sentuhan serta mendapat gambaran melalui alat bantuan pendengaran tersebut tentang warna-warni dan keunikan perwatakan George Town yang tersendiri.

"Ia merupakan suatu gambaran, seolah-olah bandaraya George Town 'hidup'," katanya yang turut berkesempatan melihat demonstrasi disempurnakan sekumpulan sukarelawan yang juga merupakan pemandu arah, *Friends of George Town Heritage* (FOGTH) dan para pelatih dari St. Nicholas Home di perkarangan Gereja St. George's di sini.

Projek *Audio Descriptive Walk of George Town's Heritage* menyediakan kemudahan tiga pilihan bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin, dan terbuka kepada golongan cacat penglihatan serta penjaga mereka sahaja.



**PARA peserta *Audio Descriptive Walk of George Town's Heritage* dibawa merasai pokok tertua yang menjadi sebahagian sejarah di Gereja St. George's pada Majlis Pelancaran Audio Descriptive Walk of George Town's Heritage di sini baru-baru ini.**

Setiap sesi atau kumpulan boleh terdiri daripada seorang hingga 15 peserta. Seorang pemandu arah dari FOGTH akan dibekalkan. Bayaran bagi pakej tersebut adalah sebanyak RM350. Tempahan perlu dilakukan sekurang-kurangnya tiga hari sebelum program berlangsung.

Bagi yang berminat untuk menyertai sesi *Audio Descriptive Walk of George Town's Heritage*, sila hubungi Chung Wei melalui e-mel *chungwei@gtwhi.com.my* atau hubungi talian **04 - 261 6606.**

# P. Ramlee: Seniman, budayawan dan pendakwah?

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE
making ideas work



ZAIRIL Khir Johari (depan, kanan sekali) bergambar kenangan dengan sekumpulan kanak-kanak pada majlis jamuan makan bersama-sama para pelajar Sekolah Kebangsaan Tanjong Tokong.

**NAMA** P. Ramlee sememangnya tidak asing lagi bagi kita semua. Kehadiran Seniman Agung ini dalam arena perfileman negara telah meninggalkan kesan yang sangat besar dalam dunia seni, mahupun terhadap pembangunan masyarakat Malaysia. Sehingga ke hari ini, filem-filemnya masih menjadi tontonan dan rujukan umum.

### Relevan sepanjang zaman

Hal ini kerana segala apa yang ditonjolkan dalam karyanya bukan sahaja relevan sepanjang zaman tetapi juga sarat dengan nilai dan kritikan sosial yang tajam. Ambil sebagai contoh adegan daripada filem Ali Baba Bujang Lapok arahan P. Ramlee, di mana setelah watak Ali Baba yang dilakonkan Aziz Sattar kembali pulang dengan sebuah peti yang penuh dengan wang emas, isterinya langsung bertanya: "Dari mana kanda curi wang ini?" Dijawab Ali Baba: "Kanda bukan curi, kawan kanda kasi, da." Lalu isterinya membalas: "Kawan kanda siapa? Kawan kanda siapa?" Dengan penuh kejengkelan, Ali Baba membidas: "Eh, engkau berapa banyak mahu tanya da?"

Tidak sangka pula, adegan daripada filem tahun 1961 ini masih relevan pada hari ini, lebih 50 tahun kemudian. Mungkin ramai yang boleh bayangkan adegan yang serupa dengan dialog berikut: "Oh, banyaknya duit ini. Dari mana Dato' curi wang ini?" "Saya bukan curi, kawan saya derma, lah." "Siapa kawan yang derma itu? Siapa kawan yang derma itu?" "Eh, rakyat ini, berapa banyak mahu tanya lah?"

Selain menggelikan hati kita, P. Ramlee juga seorang budayawan yang berpandangan jauh merentasi zaman. Beliau mampu secara kritis mengangkat pelbagai isu dalam masyarakatnya – baik persoalan kebudayaan, ketidakadilan sosial mahupun agama dan moral. Seringkali, karya-karyanya akan memberi peringatan akan kepincangan yang bakal menimpa masyarakat sekiranya sesuatu masalah tidak diatasi dengan segera atau jika masyarakat tidak melepaskan diri daripada takuk yang lama. Dalam konteks ini, filem bagi P. Ramlee bukan sekadar alat hiburan, tetapi turut menjadi alat untuk mendidik dan membuka minda masyarakat.

### Citra keagamaan dalam filem P. Ramlee

Dalam kepelbagaian tema yang dibawa oleh P. Ramlee dalam filem-filemnya, tema agama, dakwah dan moral tidak kurang pentingnya. Namun begitu, kaedah pengupasan citra keagamaan oleh P. Ramlee ini tidak mengambil bentuk yang nyata. Sebaliknya, ia lazimnya disuntik melalui simbolisme yang membawa makna yang tersirat.

Misalnya, dalam filem Pendekar Bujang Lapok, sikap Wak Mustar yang memaafkan para samseng biadab yang menolaknya di jeti perahu menggambarkan salah satu elemen moral yang dituntut dalam agama. Begitu juga dengan ketiga-tiga pendekar yang dimainkan oleh P. Ramlee dan dua sahabat karibnya, Ajis dan Sudin, yang mengembara untuk mencari ilmu. Bukankah ini merupakan "jihad" yang besar dalam agama?

Keprihatinan P. Ramlee terhadap kesenjangan kekayaan antara golongan miskin dan kaya juga terserlah dalam karyanya. Dalam filem Labu dan Labi, beliau secara tajam mengkritik golongan kaya yang menindas dan tidak ikhlas dalam mewakafkan harta kepada golongan miskin. Ini dapat dilihat melalui watak Haji Bakhil yang mempunyai agenda tersembunyi sewaktu beliau mendermakan harta kepada rumah anak-anak yatim. Kritikan terhadap sikap tamak golongan kaya turut boleh dilihat dalam filem Tiga Abdul, apabila watak Sadiq Sigaraga, seorang saudagar kaya, telah jatuh miskin akibat daripada kerakusannya. Pada penghujung ceritanya, watak protaganis, iaitu Abdul Wahub, kemudian mendermakan rumah kedai kepada anak-anak yatim, lantas menampilkan elemen kebajikan dan tanggungjawab sosial.

Kehidupan masyarakat Melayu suatu ketika dahulu yang sangat kuat bersandar kepada unsur-unsur tahayul juga turut dikritik oleh P. Ramlee. Dalam satu adegan dalam filem Seniman Bujang Lapok, P. Ramlee memerlukan wang sebanyak RM350 untuk berkahwin, sedangkan beliau pada waktu itu sedang mengalami kesempitan wang. Lalu, Sudin memberikan Ramlee sebentuk cincin yang menurutnya memiliki hikmat. Cincin itu digunakan oleh Ramlee untuk meminta wang daripada seorang pengurus syarikat filem yang bernama Kemat Hassan. Namun, Ramlee disergah oleh Kemat Hassan dan hanya mendapat RM5. Kecewa, Ramlee bertindak membuang "cincin hikmat" itu ke dalam longkang.

Babak ini memberi pengajaran bahawa apa sahaja yang ingin dicapai oleh manusia haruslah dilakukan dengan usaha yang keras. Penyandaran terhadap elemen-elemen tahayul bukan sahaja ditegah dalam agama, malah ia juga mampu menjadi penghadang kepada kemajuan masyarakat.



MENYERAHKAN sumbangan zakat kepada salah seorang penduduk Padang Tembak.

### P. Ramlee sebagai pendakwah

Kepekaan P. Ramlee terhadap persoalan agama dan moral dalam filem-filemnya menjelaskan bahawa agama bagi beliau bukanlah alat untuk melemah dan memundurkan masyarakat. Sebaliknya, ia merupakan sumber untuk menggerakkan masyarakat dalam pelbagai sektor kehidupan.

Bagi P. Ramlee, agama juga bukanlah suatu alat untuk menghukum, sepertimana yang difahami oleh ramai daripada kita pada hari ini. Beliau lebih suka menampilkan citra agama yang progresif dan bertoleransi terhadap kerencaman masyarakat kita yang berlatarbelakangkan pelbagai kaum dan budaya. Alangkah baiknya sekiranya kita dapat mengiktibarkan cara pandang dunia P. Ramlee ini.

Akhir kata, P. Ramlee tidak melakukan dakwah melalui cara-cara yang biasa, umpamanya melalui penonjolan imej-imej kewarakan yang jelas lebih mementingkan bentuk daripada isi. Jika diteliti karya P. Ramlee, jelas beliau memilih untuk berdakwah melalui jenaka dan budaya popular yang halus bentuknya tetapi tajam kesannya. Isu-isu yang diketengahkan pula berkisar pada kepentingan ummah, kedaifan golongan miskin serta penindasan terhadap yang lemah. Dalam cara tersendirinya, P. Ramlee sebenarnya menzahirkan nilai-nilai agama yang sebenar.

Sesungguhnya, sumbangan P. Ramlee adalah sangat besar kepada kita semua. Walaupun sejarah akan selama-lamanya mengingati beliau sebagai seorang seniman dan budayawan yang tersohor, jelas usaha-usaha beliau sebenarnya menjangkaui batasan seni dan budaya. Malah, jasa dan baktinya dalam memajukan citra agama yang berjiwa besar dan progresif juga jelas melayakkan beliau untuk digelar sebagai seorang pendakwah.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>- | - |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>- | - |
| **SUNGAI DUA**<br>- | - |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>- | - |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : - | - - |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : - | - - |
| N5 | Sungai Dua | : - | - - |
| N6 | Telok Air Tawar | : 017 - 595 9891 | - Norfatin |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 0111-508 0215 | - Siti Hajar |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : - | - - |
| N39 | Pulau Betong | : 016 - 407 2135 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017- 413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Loh Joo Huat | 012 - 422 1133 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Tiagarajen A/L Annamalai | 010 - 387 9305 |
| Ong Eu Leong | 010 - 770 0508 |
| Ho Leng Hong | 017 - 487 2767 |
| Mohd. Rizal Abd. Hamid | 012 - 424 3878 |
| Rajasegar a/l Govindasamy | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim | 018 - 576 1622 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115<br>019 - 493 6161 |
| Amir Md. Ghazali | 013 - 584 8386 |
| Mohd. Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Mustafa Kamal Ahmad | 019 - 556 9552 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorty | Seberang Perai Tengah | - | 019 - 457 2271 |
| 5. | R. Gunalan | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 011 - 2666 6901 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Sukumar a/l Subramaniam | 019 - 442 2113 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Prof. Tan Kim Hooi | 016 - 438 7855 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Lim Boon Beng | 012 - 564 4400 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam | 014 - 945 9621 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016-417 1331 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Sha'ari Md. Salleh | 013 - 788 7786 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Ogos 2015



Perbarisan Hari Kemerdekaan Ke-58, Bandar Perda (depan Bangunan MPSP), Seberang Perai Tengah.

31 Ogos
***Hari Kemerdekaan***

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***", taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256



EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (depan, tengah) bersama-sama pegawai bertugas menunjukkan tanda bagus sempena program Jelajah Pembangunan Desa Ke Penaga di sini baru-baru ini.



KETUA-KETUA Jabatan MBPP pada persidangan Majlis Mesyuarat Biasa Bilangan 07/2015.



SEKUMPULAN remaja memberikan *pose* menarik kepada lensa Buletin Mutiara pada penganjuran Majlis Rumah Terbuka Merdeka Raya Ahli Parlimen Bukit Bendera.







KETUA Menteri berjabat tangan dengan Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Mior Faridalathrash Wahid (berdiri, kiri sekali) pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Setiausaha Kerajaan Negeri.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (memegang banting, berbaju batik, tengah) dan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (memegang banting, berbaju biru) hadir memberi sokongan pada penganjuran program *1 Minute Simultaneous Breastfeeding MMPS.*



EXCO Kerajaan Tempatan, Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow (lima dari kiri) bergambar kenangan dengan ahli-ahli jawatankuasa penganjur Majlis Pelancaran Ulang Tahun Ke-5 Inisiatif Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.



DATUK Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail (depan, kanan) dan YDP MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif (depan, kiri) bergambar kenangan ketika hadir di Majlis FIABCI Mid Year Property Industry Review.



PERSEMBAHAN boria yang cukup mantap sebagai penyeri kepada Majlis Perasmian Flotila Pulau Pinang.

# Wanita berdaya, wibawa dan peka: program pemberdayaan wanita bersama kerajaan tempatan

Oleh : **RAMLAH BEE ASIAHOO**
**Pegawai Program Pemerkasaan dan Kepimpinan Wanita, PWDC**

**BARU-BARU** ini, PWDC telah menjalankan satu program pemberdayaan kepimpinan wanita bersama kerajaan tempatan selaras dengan misi PWDC untuk memupuk dan meningkatkan kepimpinan wanita dalam tadbir urus pihak berkuasa tempatan.

Program ini berteraskan objektif seperti berikut:

Meningkatkan bilangan wanita yang berpotensi menjadi pemimpin yang efektif dalam tadbir urus tempatan, termasuk di peringkat Ahli Majlis Kerajaan Tempatan;

Membentuk perspektif dan membina kemahiran analisa kesaksamaan gender dan tadbir urus baik di kalangan peserta selaku bakal pemimpin wanita;

Meningkatkan pemahaman peserta tentang struktur dan kuasa kerajaan secara amnya, dan fungsi serta operasi Kerajaan Tempatan secara khususnya; dan

Membentuk jaringan dan kumpulan sokongan di kalangan bakal pemimpin wanita dalam tadbir urus tempatan di Pulau Pinang.

Program ini merupakan suatu metodologi dalam memperkembangkan kepimpinan dan pemberdayaan wanita untuk mengenali operasi dan pekhidmatan kerajaan tempatan termasuk Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Peserta-peserta program terdiri daripada wakil-wakil pelbagai organisasi di Pulau Pinang dan program ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu lawatan ke majlis bandaran dan kursus kepimpinan selama dua hari.

Semasa lawatan ke Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaraan Seberang Perai, para peserta turut menghadiri mesyuarat penuh majlis dan taklimat bersama jabatan berkaitan. Lawatan ini suatu pengalaman baru untuk mereka dan memperkembangkan minda serta pengetahuan mereka berkaitan majlis bandaran.

Sementera itu, kursus kepimpinan selama dua hari akan merangkumi topik-topik berkaitan gender, urus tadbir baik, kepimpinan dan stuktur kerajaan dalam negara.

Disamping itu juga, program ini dapat membuka mata peserta tentang kegemilangan detik sejarah yang telah tercipta dengan pelantikan Dato' Patahiyah Binti Ismail sebagai Datuk Bandar wanita pertama yang dinegara ini.

Kegemilangan ini membuktikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi peluang ketrampilan dan kepimpinan wanita dalam urus tadbir kerajaan. Perlantikan beliau adalah mercu tanda kejayaan wanita di negeri ini dan membuka minda warga wanita Pulau Pinang untuk tampil, berdaya dan bangkit dalam dimensi baru kepimpinan wanita.

Semoga siri kursus kepimpinan bermakna dalam pembangunan wanita di negeri ini. Ianya membuka belenggu wanita tiada pengetahuan dalam urus tadbir kerajaan. Pemahaman konsep gender, kepimpinan dan urus tadbir merupakan satu gabungan pengetahuan dimensi baru dalam inovasi kepimpinan wanita.



SESI bergambar di luar Dewan Bandaran bersama para peserta dengan pengarah-pengarah PWDC.



BERSAMA ahli-ahli majlis MBPP.



TAKLIMAT pegawai MBPP dengan peserta di Dewan Bandaran.



PARA peserta bersama pegawai MBPP dan PWDC .

## Sambutan Hari Raya di TASKA D 'KOMTAR



SAMBUTAN Hari Raya di TASKA D' KOMTAR pada 7 Ogos 2015.



CHEWA! Baju si anak dan ibu yang sepadan!



KAWAN karib saya!

Oleh : **OOI AI LYN**
**Pegawai Kanan Program Sokongan Pemerkasaan Wanita PWDC**

**KERIANGAN** Hari Raya turut disambut di TASKA D 'KOMTAR (TASKA di tempat kerja, atas inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang) dengan penuh kegembiraan oleh kanak-kanak dengan memakai pakaian Raya terbaik mereka.

Hubungan erat turut dipupuk di antara ibu bapa dengan anak bersama-sama dengan kakitangan PWDC dan TASKA D 'KOMTAR.

Sambutan pelbagai musim perayaan ini memberikan pendedahan kepada anak-anak tentang kepelbagaian budaya yang terdapat di Malaysia.

Turut hadir pada majlis ialah YB Chong Eng dan Aloyah Bakar (Ketua Pegawai Eksekutif PWDC).



ABAH, sedap makanan ni!

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Seramai 1,000 peserta memeriahkan acara penuh bertenaga yang dikendalikan pelatih zumba, Zin Mary dan Zin Hanif berkaitan.

Program tersebut memperoleh tajaan dari *Occupy Beach Street*, Sunquick Malaysia, Maestro Swiss Chocolate Sdn. Bhd., Regal Marketing & Trading Sdn. Bhd. dan Sarinani Juru Venture.

## Menyusu di lokasi terbuka, umum perlu ubah persepsi

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



**DR. Afif Bahardin (kanan sekali) dan isterinya bergambar kenangan dengan para peserta dan ahli jawatankuasa penganjur Program Penyusuan Ibu Serentak Selama Satu Minit anjuran MMPS di sini baru-baru ini.**

**BAYAN LEPAS –** Persepsi masyarakat terhadap ibu-ibu yang menyusu di lokasi terbuka perlu diubah kerana tindakan tersebut adalah lumrah bagi seseorang bayi yang turut inginkan makanan tanpa mengira tempat, situasi dan masa.

Kenyataan tersebut dinyatakan Penyelaras Program Penyusuan Ibu Serentak Selama Satu Minit anjuran pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Mother to Mother Peer Supporters* (MMPS), Connie Mooi di sini baru-baru ini.

Seramai 124 ibu dari seluruh negeri Pulau Pinang mengambil bahagian dalam acara yang bertujuan mempromosikan kebaikan penyusuan susu ibu dan menyebarkan mesej bahawa adalah tidak salah bagi wanita-wanita menyusukan bayi masing-masing di tempat awam.

"Bilik penyusuan untuk bayi kebiasaannya hanya terdapat di kompleks membeli-belah yang besar.

"Justeru, adalah menjadi kesukaran kepada ibu-ibu yang berada di lokasi awam seperti taman-taman permainan atau pasar raya yang lebih kecil untuk menyusukan anak masing-masing.



**SALAH seorang ibu menunjukkan sijil penyertaan diterima.**

"Justeru, masyarakat perlu mengubah persepsi yang mengatakan bahawa perbuatan menyusukan anak di tempat terbuka adalah kurang sesuai," ujarnya pada majlis berkaitan.

Hadir merasmikan majlis berkaitan, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin serta isterinya yang merupakan doktor perubatan, Dr. Mardhiah Zakaria.

Menyokong penuh program berkaitan, Mardhiah turut tidak ketinggalan menyertai para ibu menyusui bayinya yang berusia enam bulan.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid memberitahu bahawa Kerajaan Negeri menyokong usaha tersebut selaras dengan dasar bagi menjadikan Pulau Pinang lebih mesra ke arah pendekatan penyusuan susu ibu.

"Penyusuan susu ibu kepada bayi adalah amat penting kerana ia mampu mengoptimumkan tahap kesihatan, pertumbuhan dan perkembangan seseorang kanak-kanak," jelas beliau.

# ‘House of Roselle’, impian usahawan muda Ina Roselle

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERBEKALKAN** ilmu dalam bidang teknologi makanan, ‘kecantikan’ pada bunga roselle menjadi tarikan kepada Zarina Abu Bakar, 32, untuk ‘meneroka’ potensi tumbuhan tersebut.

Kenapa roselle? Soalan pertama dilontar penulis kepada beliau yang lebih dikenali sebagai ‘Ina Roselle’ pada sesi temubual yang diatur sebelum itu.

Dengan tersenyum, beliau yang merupakan anak ke-empat daripada lima beradik memberitahu bahawa ia adalah disebabkan ‘kebaikan’ ia. Sama ada dari segi kesihatan dan juga komersial.

“Roselle atau nama saintifiknya, *Hibiscus Sabdariffa* merupakan ‘benda’ yang bagus, tapi orang kurang kenal dan kurang dikomersialkan.

“Kandungan vitamin C roselle adalah tiga kali ganda lebih tinggi berbanding buah blackcurrant, di samping turut kaya dengan asid organik, protein dan mineral. Jusnya juga bagus untuk menyerap makanan dan menghalang masalah kesihatan.

“Malah, ia juga mampu merendahkan tahap kolesterol, menghapuskan lemak, mencegah kanser, melindungi hati dan jantung, melancarkan pusingan haid, cantikkan wajah, melancarkan tekanan darah serta membantu dan memudahkan seseorang untuk tidur,” jelasnya.

Berkongsi pengalaman beliau dalam bidang yang diceburi sejak enam tahun lalu, Ina menyatakan bahawa produk pertama dihasilkan beliau adalah kordial roselle.

“Biasanya, orang ‘makan’ roselle dengan merebus bunganya. Tapi, nak beli bunga roselle agak mahal harganya. Lalu saya terfikir nak buat kordial dan jus (produk kedua) sebagai alternatif.

“Untuk memperoleh ramuan, kualiti dan keaslian rasanya, saya gunakan tempoh kira-kira setahun. Selepas itu, barulah boleh *maintain* sampai sekarang,” ujar beliau yang berasal dari Kampung Pantai Kamloon, Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU).

Mengulas lanjut, Ina menyatakan bahawa pada tahun pertama perniagaannya, beliau terpaksa ‘menjelajah’ dari kedai ke kedai sekitar kawasan berhampiran untuk memasarkan produknya.

Pada masa sama, pendekatan yang diakuinya agak memenatkan, tetapi seronok tersebut juga merupakan kaedah beliau mempelajari teknik melayan pelanggan dan memperoleh maklum balas daripada pihak-pihak pekedai mengenai produknya .

“Kira-kira 100 kedai saya letak dan ada yang tolak. Malah, sepanjang tempoh tersebut, apa yang lebih mencabar bagi diri saya adalah (saya) kena belajar dari mula mengenai skop pengurusan, pemasaran dan cara nak berurusan dengan orang (tauke serta pelanggan), sebab saya memang tiada pengalaman dalam bidang ini.

“Ada suatu masa saya ditipu. Bagi barang bernilai RM5,000, namun tidak dapat bayaran. Memang rasa *down* jugak tapi sabar,” ujar beliau yang sentiasa memperoleh sokongan daripada keluarganya.

Walaupun berasal dari keluarga pesawah dan tidak memiliki sebarang latar belakang dalam bidang keusahawanan, Ina lazimnya menyimpan impian untuk memiliki perniagaan sendiri pada usia 27 tahun.



KORDIAL dan jus roselle.



ZARINA Abu Bakar sedang menyusun produk-produk keluaran beliau.



AIR krim roselle yang amat enak dan menyegarkan.

“Alhamdulillah, saya capai cita-cita saya pada usia awal 26 tahun,” jelasnya sambil menyatakan bahawa beliau menyimpan duit sendiri untuk memulakan perusahaan berkaitan dan tidak pernah membuat sebarang pinjaman termasuk untuk membeli peralatan-peralatan diperlukan.

Memiliki prinsip tidak mudah putus asa dan suka cuba sampai berjaya, Ina mengakui bahawa dirinya adalah pantang dicabar.

“Setiap tahun, saya sasarkan untuk keluarkan tiga produk baru. Kini, produk yang memperoleh permintaan paling tinggi adalah jus roselle yang mana pasarannya telah sampai ke Ireland, Kemboja dan kini dalam proses memasuki Brunei (untuk kordial dan jus).

“Dalam tempoh terdekat, saya akan hasilkan kek, muffin, kuih pau, jem (untuk inti kuih raya) dan biskut roselle. Malah, saya juga telah hasilkan aiskrim roselle. Bagi tempahan, ia perlu ditempah dua hari sebelum bagi menjamin kualiti ia,” katanya.

Sebagai satu-satunya pengeluar produk di utara Semenanjung Malaysia, Ina menyatakan bahawa beliau ‘mengikat’ kontrak dengan para petani di sekitar sini untuk mendapatkan bekalan bunga roselle jenis hibrid, UMKL 1 secara berterusan.

“Saya terima bekalan bunga roselle sepanjang masa.

“Perbezaan roselle hibrid berbanding yang biasa adalah bunganya lebih besar dan kembang. Malah, kualiti jenis hibrid juga adalah lebih bagus, ujar Ina yang juga arif mengenai penanaman pokok roselle.

Bagi perancangan masa depan, Ina ingin memperkembangkan lagi perniagaannya.

“saya nak buka kedai francais sendiri yang dikenali *‘House of Roselle’*.

“Cabaran sebagai usahawan memang sentiasa ada. Namun, saya anggap ia sebagai cabaran dan ambil teguran sekiranya ia bernas.

“Bagi saya, prinsip yang perlu dipegang adalah sekiranya hendak membuat sesuatu, perlu buat sampai berjaya, jangan hanya di tengah jalan. Jika anda berhadapan dengan suatu peringkat yang ‘mengecewakan’, bangun semula dan buat balik,” serunya yang pernah memenangi anugerah *Rural Business Challenge 2013* anjuran Kementerian Luar Bandar dan Wilayah di sini.

**INFO :**
**ARINA FOOD ENTERPRISE**
**No. 3649, Pantai Kamloon,**
**13200 Kepala Batas, SPU.**
**Premis :**
**No. 21, Tingkat Bawah,**
**Persiaran Pokok Sena,**
**Pusat Perniagaan**
**Pokok Sena,**
**13220 Kepala Batas, SPU.**

**010 - 774 8801/012 - 435 1973**

# *Relay For Life* kumpul RM85,000 bantu pesakit kanser

Gambar : **OOI ENG KEAT**

**GEORGE TOWN –** Kanser adalah pembunuh ke-tiga terbesar di Malaysia.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin ketika merasmikan penganjuran *Relay for Life Penang 2015* di sini baru-baru ini.

Menurutnya, membina pengetahuan dan kesedaran tentang kanser adalah amat penting terutamanya dalam inisiatif 'melawan' penyakit tersebut dengan efektif, malah, pengesanan awal dan rawatan yang bersesuaian juga dapat menyelamatkan nyawa.

"Atas dasar inilah, Kerajaan Negeri mewujudkan program *Mammo Penang* yang menawarkan perkhidmatan pemeriksaan mamogram secara percuma kepada golongan wanita yang merupakan pengundi berdaftar negeri Pulau Pinang dan berusia 35 tahun dan ke atas.

"Inisiatif ini adalah bagi menjaga kesihatan golongan wanita di Pulau Pinang,'' katanya pada majlis berkenaan.

Hadir sama, Pengerusi Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia Cawangan Pulau Pinang (NCMSPg), Datuk Seri T. Devaraj.

Hadir sama, kira-kira 200 pemandiri kanser dari Pulau Pinang, Taiping, Ipoh dan Kuala Lumpur.

Program anjuran NCSMPg bersama-sama Persatuan Hospis Pulau Pinang (PHS) yang disertai kira-kira 1,000 peserta berkaitan berjaya mengumpulkan sejumlah RM85,000 bagi membantu pesakit dan menyokong perkhidmatan kanser di Pulau Pinang.

Pada penganjuran tersebut, para peserta yang mengenakan pakaian merah jambu dan ungu berjalan secara beramai-ramai secara bergilir-gilir selama 16 jam tanpa henti.

Turut diadakan, pemeriksaan kesihatan, lukisan muka, hiburan pentas dan cabutan bertuah.



**DR. Afif Bahardin (tengah, berbaju ungu) bersama-sam ahli NCSMPg dan PHS memotong kek sebagai simbolik penganjuran *Relay For Life Penang* di sini baru-baru ini.**



**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.**

# Larangan belok kanan persimpangan Jalan Datuk Keramat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Ekoran wujudnya pelbagai konflik dan masalah kesesakan lalulintas di sekitar Jalan Datuk Keramat yang menyambungkan pusat bandar dan Bandar Air Itam di sini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 30 Ogos lalu telah melaksanakan larangan pembelokan kanan di laluan-laluan berkaitan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berkata, bagi mengatasi masalah tersebut, larangan pembelokan kanan di persimpangan Jalan Datuk Keramat, Jalan Perlis dan Jalan Kampung Jawa Baru adalah dilarang.

"Aliran lalulintas untuk pergerakan terus dari Jalan Perlis ke Kampung Jawa Baru dan sebaliknya adalah dilarang termasuk melakukan pembelokan kanan.

"Hanya pembelokan kanan dari Jalan Datuk Keramat ke Kampung Jawa Baru sahaja dibenarkan," ujarnya ketika mengadakan tinjauan di persimpangan Jalan Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Turut menemani, Jurutera Lalulintas dan Pengangkutan Awam MBPP, Zainuddin Mohd. Shariff.

Dalam pada itu, Zainuddin ketika ditemui memberitahu bahawa papan tanda larangan telah dipasang sebagai makluman umum.

"Justeru, orang ramai dinasihatkan agar mematuhi tanda-tanda lalulintas ini,'' ujar beliau.



**ZAINUDDIN Mohd. Shariff (kiri) menjelaskan pelan pelaksanaan trafik di sekitar Jalan Datuk Keramat kepada Teh Lai Heng pada sesi lawatan mereka ke lokasi berkaitan di sini baru-baru ini.**



**KEADAAN trafik di persimpangan Jalan Datuk Keramat sebelum larangan pembelokan kanan dilaksanakan.**

# Bicara kes roboh Pasar Perai 18 Sept. – YDP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Kes perobohan sebahagian struktur Pasar Perai yang berusia 76 tahun serta mempunyai nilai warisan sejarah tersendiri dengan tanpa kebenaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan didengar di Mahkamah Majistret Butterworth pada 18 September ini.

Demikian maklum balas Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif kepada wartawan.

"Dia (pemaju) tidak memohon apa-apa (Pelan Rancangan Pembangunan) projek pun di tapak tersebut, cuma dia meruntuhkan pasar lama tersebut.

"Kalau mengikut undang-undang, memerlukan kelulusan dari majlis (MPSP), tetapi kerja-kerja dia ini tiada kelulusan, maka, kita (MPSP) bawa ke mahkamah,

"Kita (MPSP) mengambil tindakan tegas di bawah dua akta, (iaitu) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (1974)," jelasnya pada sidang media di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud.

Terdahulu, Timbalan Ketua Menteri II, Prof Dr. P. Ramasamy pada awal bulan Jun lepas menegaskan, pemaju berkaitan tidak sepatutnya merobohkan Pasar Perai tanpa kebenaran MPSP, sungguhpun pihak berkaitan berjaya mendapatkan perintah mahkamah untuk mengosongkan tanah tersebut.

Lagipun katanya, MPSP telahpun mengeluarkan perintah larangan kerja-kerja kepada pemaju berkenaan.

Tambah Ramasamy, sepatutnya bangunan tersebut tidak terus diroboh memandangkan Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan cadangan untuk mewartakan bangunan Pasar Perai yang dianggap mempunyai nilai-nilai warisan.

"Langkah injuksi yang dilakukan secara pentadbiran oleh Kerajaan Negeri dan MPSP sebenarnya adalah mendekati tuntutan Akta Warisan Kebangsaan, 2005, iaitu melarang bangunan berusia melebihi 100 tahun dari dirobohkan, untuk dipulihara sebagai warisan negara," tegas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai bersama-sama peguambela, Pamela Vijayrani.

Dua Ahli Majlis MPSP, P. David Marshel dan M. Satees turut menyertai sidang media tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, difahamkan, pemaju terbabit turut mengfailkan saman pemula kepada beberapa pihak berwajib, yang didengar di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 4 Julai lalu.



**DATUK Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail (kanan) sambil ditemani Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Akbar Mustapha ketika mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 07 Tahun 2015 di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.**

# MBPP lulus caj kompaun kesalahan parkir

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**GEORGE TOWN –** Mesyuarat Biasa Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang berlangsung baru-baru ini telah meluluskan cadangan kenaikan caj kompaun bagi lain-lain kesalahan di tempat meletak kereta Majlis berkuatkuasa mulai 1 Ogos lalu.

Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan MBPP, Joseph Ng Soon Siang ketika membentangkan keputusan berkaitan berkata, cadangan untuk menaikkan kadar caj kompaun tersebut telah diluluskan sebanyak RM100 berbanding RM30 sebelumnya.

"Kenaikan caj kompaun bagi lain-lain kesalahan di tempat meletak kereta MBPP seperti atas siar kaki awam dan di dalam petak OKU (orang kurang upaya) dikuatkuasakan tanpa sebarang pengurangan.

"Manakala, bagi kesalahan meletak kereta di luar petak akan diteliti dan dibincangkan semula.

"Ini ekoran maklum balas diterima daripada orang awam yang mengkehendaki Majlis mempertimbangkan semula saman parkir di luar petak sebanyak RM100," jelasnya selepas selesai Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 07 Tahun 2015 di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, bagi kesalahan parkir motorsikal, saman yang dikenakan kini adalah berjumlah RM20 berbanding RM15 sebelum ini.

Ketika ditanya berhubung kesalahan berkaitan kupon atau alatan parkir, Joseph memaklumkan bahawa perkara tersebut ditangguhkan.

"Kesalahan berkaitan kupon atau alatan parkir di tempat letak kereta MBPP setakat ini ditangguhkan dan akan dibentangkan semula pada mesyuarat bulan November nanti," jelas beliau.

# Kebocoran *gutter*, MBPP nekad selenggara segera



**SALAH seorang peniaga menunjukkan *gutter* yang dipercayai bocor sehingga menyebabkan limpahan terutamanya apabila hari hujan di Kompleks Pasar Awam Bayan Baru di sini baru-baru ini.**

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BAYAN LEPAS –** Masalah kebocoran pada lorong air hujan (*gutter*) yang menyebabkan limpahan air di beberapa bahagian Kompleks Pasar Awam Bayan Baru di sini akan diselenggara dalam tempoh terdekat oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Bercakap kepada pemberita, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Ang Aing Thye berjanji akan menyelesaikan masalah tersebut pada kadar segera memandangkan kebocoran tersebut secara tidak langsung menjejaskan perniagaan para peniaga ketika musim hujan.

Kata Aing Thye, beliau akan mengarahkan arkitek dan jurutera bertanggungjawab supaya memantau keseluruhan kerja pembaikan yang dijalankan pihak kontraktor bagi memastikan perkara tersebut tidak berulang.

"Kita memahami nasib yang dihadapi peniaga, terutamanya ketika hari hujan lebat.

"Tumpuan penyelenggaraan akan diutamakan kepada masalah utama terlebih dahulu seperti, kebocoran lorong air hujan, lubang perparitan besar serta jalan yang berlopak dan berlubang.

"Manakala, masalah sampingan lain akan dilakukan secara berperingkat," ujarnya ketika mengadakan lawatan khas ke Kompleks Pasar Awam Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengarah Bahagian Pelesenan MBPP, Azman Sirun, Arkitek MBPP, Ridzuan Salleh dan wakil peniaga Kompleks Pasar Awam Bayan Baru.

Setakat Julai 2015, difahamkan bahawa MBPP telah membelanjakan kira-kira RM161,818.93 untuk keseluruhan kerja-kerja penyelenggaraan bagi pasar, kompleks makan, balai rakyat dan tandas awam di negeri ini.

Dalam pada itu, bagi masalah jalan berlubang, Aing Thye memberitahu bahawa MBPP masih dalam kajian dan terdapat cadangan untuk menurap bahagian jalan berkenaan dengan konkrit.

"Konkrit akan digunakan supaya ia lebih tahan kerana kawasan ini sering digunakan lori-lori besar untuk tujuan menaik dan menurunkan muatan," jelas beliau.



**KEADAAN jalan yang berlubang.**

# Hijaukan Jln. Song Ban Kheng dengan pokok Hujan-hujan

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT MERTAJAM –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melaksanakan projek menanam pokok Hujan-hujan *(Enterolobium saman)* di sepanjang Jalan Song Ban Keng agar jalan yang baru dinaiktarafkan itu sehijau Jalan Scotland dekat George Town..

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, langkah itu demi memastikan usaha menanam semula pokok teduh terus dilakukan, sungguhpun ketiga-tiga daerah Seberang Perai dihambat oleh pelbagai projek pelebaran jalan raya.



**KAWASAN lapang Jalan Song Ban Kheng yang bakal ditanam dengan pokok Hujan-hujan.**

"Terdahulu, pokok-pokok jenis ini terpaksa ditebang bagi memberi laluan kepada pembinaan infrastruktur dan pelebaran jalan

"Dalam fasa pertama ini, sebanyak 11 batang pokok Hujan-Hujan akan ditanam di bahu Jalan Song Ban Kheng," katanya ketika Majlis Pelancaran Projek Pengindahan Jalan Song Ban Kheng di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang merangkap Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng turut serta dalam majlis tersebut.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP. Sr. Rozali Mohamud serta tiga Ahli Majlis lain, Mustafa Kamal Ahmad, Tan Cheong Heng dan Siti Nur Shazreen Jilani.

Difahamkan, MPSP serta pemaju-pemaju berwajib sejak tahun 2011 sehingga bulan Jun tahun ini direkodkan menanam sebanyak 3,860 batang pokok pada tahun 2011; 3,841 (2012); 4,888 (2013); 8,501 (2014) dan 2,813 (Januari sehingga Jun 2015).



**(Barisan depan, dari kiri) CHONG Eng, Maimunah Mohd. Sharif dan Steven Sim Chee Keong menyempurnakan gimik Majlis Pelancaran Projek Pengindahan Jalan Song Ban Kheng di sini baru-baru ini.**

Fasa pertama penanaman pokok Hujan-hujan yang juga dikenali sebagai pokok Pukul Lima di sepanjang tiga kilometer Jalan Song Ban Keng, dengan jarak tanaman antara pokok adalah 15 meter.

# Mhd. Nasir, Dahalan dilantik semula



**AHLI-AHLI Majlis MBPP yang lain beramah-mesra dengan Mhd. Nasir Yahya (depan, empat dari kanan) pada majlis lantikan semula beliau sebagai ahli majlis pihak berkuasa tempatan berkaitan di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF & DARWINA MOHD. DAUD**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Mhd. Nasir Yahya dan Dahalan Fazil dilantik semula sebagai ahli majlis masing-masing bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berkuatkuasa 1 Ogos lalu di sini.

Majlis mengangkat sumpah Mhd. Nasir diadakan di hadapan Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini, manakala Dahalan di hadapan Yang di-Pertua (YDP) MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Dewan Kenanga, MPSP, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah (SPT).

Majlis penerimaan jawatan tersebut masing-masing turut disaksikan Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Ang Aing Thye dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud, ahli-ahli majlis dan Ketua-ketua jabatan masing-masing.



**DAHALAN Fazil mengangkat sumpah pada Majlis Pengakuan Penerimaan Jawatan sebagai Ahli Majlis MPSP di sini baru-baru ini.**

Mhd. Nasir ketika ditemui berkata, beliau akan terus menjalankan tugas yang diamanahkan dengan baik.

"Saya akan terus berkhidmat.

"Perhatian sepenuhnya terhadap hal ehwal masyarakat, keselamatan, kebersihan dan sebagainya akan terus diutamakan," ujarnya kepada pihak media selepas selesainya majlis lantikan semula beliau sebagai Ahli Majlis MBPP di sini baru-baru ini.

Pada 29 Julai lalu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju sebulat suara untuk melantik semula Mhd. Nasir dan Dahalan yang pada Jun lalu meletak jawatan berkuatkuasa 1 Ogos hingga 31 Disember 2015.

# Kongsi tapak jaja di Pasar Awam Seri Rambai projek perintis MPSP

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PADANG LALANG –** Polisi kongsi guna tapak jaja tidak berbumbung di Pasar Awam Seri Rambai di sini adalah projek perintis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).



**(Dari kiri), LAI Shu Qua, Chong Pei Pei dan Micheal Tan Cheong Heng menunjukkan jenis kertas bancian yang diedar serta dikutip oleh pegawai Bahagian Pelesenan MPSP di sini baru-baru ini.**

Ahli Majlis MPSP, Micheal Tan Cheong Heng memberitahu, langkah moratorium atau pergantungan serta penangguhan kegiatan penguatkuasaan berwajib atas persetujuan bersama itu adalah sebagai langkah pemutihan terhadap 'aktiviti penjajaan haram'.

"Konsep kongsi tapak jaja ini boleh dilakukan kerana pihak pelesenan mendapati ada penjaja berniaga sehari dalam seminggu, ada orang menjaja dua hari dalam seminggu dan sebagainya.

"Penjaja haram memang banyak di pasar-pasar awam, pendekatan (moratorium) ini perlu supaya mereka suatu hari nanti akan berjaya menjalankan aktiviti berniaga dengan lesen MPSP.

"Ini adalah projek perintis, jika berjaya di sini (Pasar Awam Sri Rambai), kita (MPSP) akan mempertimbang untuk diperluaskan konsep ini ke pasar-pasar awam yang lain," jelasnya kepada wartawan, selepas melawat pasar tersebut di sini baru-baru ini.

Lai Shu Qua selaku Pegawai Seranta kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang serta bekas Ahli Majlis MPSP, Chong Pei Pei turut pada sidang media tersebut.

Lagipun, menurut Cheong Heng, polisi tersebut sekaligus dapat mencegah kutipan wang sewa tapak jaja secara 'haram' tanpa kebenaran MPSP.

Tambahnya, polisi tersebut dilakukan selepas Bahagian Pelesesan MPSP melakukan bancian awam terhadap lebih 300 penjaja di sini, dan seramai 214 orang dipilih untuk menyertai projek perintis ini.

"Justeru, kami sedang mengkaji cadangan untuk mengeluarkan lesen penjaja khas untuk mereka yang terbabit dalam projek perintis ini, pada kadar bayaran RM16 setahun," ujar beliau.

Terdahulu, Pei Pei dalam Mesyuarat Penuh MPSP pada tahun lepas mencadangkan pihak berkuasa tempatan (PBT) melaksanakan polisi kongsi tapak jaja tersebut.

Selepas itu, polisi tersebut buat pertama kali dilaksanakan oleh pihak penganjur tempatan di Pasar Awam Juru, dengan pemantauan MPSP.

Projek kongsi tapak jaja di Pasar Awam Seri Rambai tersebut merupakan projek perintis sulung MPSP, kini.

# Dewan Balai Rakyat Batu Lanchang kini berpenghawa dingin

OLeh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**BATU LANCHANG –** Tuah penduduk! Dewan Balai Rakyat Batu Lanchang sekali lagi dinaiktaraf dengan pemasangan kemudahan penghawa dingin demi keselesaan para pengguna.

Kali pertama dewan yang dibina pada 30 Julai 1986 dan terletak di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Lanchang tersebut dinaiktaraf adalah pada 2013 iaitu membabitkan pemasangan lif dengan kos berjumlah RM399,999.50.

Kini, demi keselesaan semua pihak, dewan terbabit sekali lagi dinaiktaraf (dengan kemudahan penghawa dingin) membabitkan kos RM428, 940.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan projek naiktaraf berkenaan berkata, inisiatif pelaksanaan projek naiktaraf kompleks pasar dan makanan secara berperingkat akan terus dijalankan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Kerajaan Negeri bagi memastikan kemudahan prasarana yang berkualiti disediakan demi kebajikan rakyat.

"Projek naiktaraf kemudahan awam di negeri ini mampu dijalankan Kerajaan Negeri kerana mengamalkan pentadbiran Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) yang menjamin pulangan lebihan perbelanjaan kepada rakyat," katanya pada majlis berkaitan yang turut meraikan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri KADUN Batu Lanchang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang, Law Heng Kiang, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Ang Aing Thye serta Ahli-ahli Majlis MBPP.

Dalam pada itu, Patahiyah memberitahu bahawa Balai Rakyat Batu Lanchang akan dicat serta dinaiktaraf pada bahagian lantainya pada tahun depan (2016).

"Malah, di samping itu, MBPP juga akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan penaiktarafan membabitkan beberapa balai rakyat di bawah Majlis seperti pemasangan penghawa dingin di Balai Rakyat Bayan Baru serta Taman Tun Sardon dan pembinaan lif di Balai Rakyat Padang Tembak," ujarnya.

Difahamkan, ekoran penaiktarafan tersebut, kadar sewa baru Dewan Balai Rakyat Batu Lanchang adalah RM460 bagi kegunaan tujuh jam pertama dan tambahan setiap jam berikutnya adalah sebanyak RM40.

Bagi kegunaan gelanggang badminton, sewa adalah bernilai RM7 untuk setiap jam dan kegunaan ruang legar, RM2 sehari.



**KETUA Menteri sambil diperhatikan Chow Kon Yeow (tiga dari kiri), Law Heng Kiang (dua dari kiri) dan Patahiyah Ismail (dua dari kanan) menyempurnakan gimik Majlis Pelancaran Projek Naiktaraf Dewan Balai Rakyat Batu Lanchang yang kini dilengkapi penghawa dingin di sini baru-baru ini.**

# Projek 'Duit Kita, Hak Kita', ADUN pohon partisipasi penduduk

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**AIR ITAM –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon menyeru agar penduduk setempat dapat memberi kerjasama kepada pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) berhubung bancian projek 'Duit Kita, Hak Kita' di sini.

Khai Loon berkata, projek julung kali yang dijalankan dari rumah ke rumah tersebut adalah dilaksanakan secara bersama dengan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

"Kami masing-masing memperuntukkan sejumlah RM50,000 kepada JKKK supaya dapat menjalankan bancian di kawasan Machang Bubuk bagi mendapatkan maklum balas demi menentukan kegunaan peruntukan pembangunan di kawasan kediaman masing-masing pada masa depan.

"Bancian tersebut akan dikumpulkan berdasarkan tiga kategori iaitu wanita, warga emas dan kanak-kanak," ujarnya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri ADUN Machang Bubuk yang diadakan di perkarangan Masjid Tok Lebai Hashim di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman, ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin dan beberapa Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Mengulas lanjut mengenai projek berkenaan, Khai Loon memberitahu bahawa ia akan memberikan manfaat yang besar kepada rakyat setempat dan seterusnya menjadi model kepada negeri dan negara ini.

"Penduduk Machang Bubuk akan diberikan hak untuk menentukan projek dalam kawasan masing-masing. Hak menentukan projek ini adalah berdasarkan undi daripada penduduk dan bukannya bergantung kepada keputusan ADUN dan pengerusi JKKK seperti sebelum ini.

"Konsep demokrasi ini akan memberi ruang kepada komuniti untuk menentukan projek yang bermanfaat dan sekaligus dapat mengurangkan pembaziran wang rakyat kerana tiada lagi projek terbengkalai atau projek gajah putih kelak," ujar beliau.



**LEE Khai Loon (depan, tiga dari kanan) beramah-mesra dengan golongan kanak-kanak yang menerima duit raya daripada Mansor Othman (depan, dua dari kanan) pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri ADUN Machang Bubuk di sini baru-baru ini.**

# Lampu isyarat di 'jejantas sotong' untuk kemudahan pejalan kaki

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini memasang dua unit lampu isyarat sebagai sebahagian projek menaiktaraf jejantas pejalan kaki atau lebih dikenali sebagai 'jejantas sotong' bernilai RM6.1 juta di persimpangan Jalan Penang, Jalan Burma dan Jalan Dr. Lim Chwee Leong di sini.



**LAKARAN artis 'jejantas sotong' yang bakal dinaiktaraf.**

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berkata, lintasan-lintasan belang (*zebra crossing*) sementara juga dilakarkan berdekatan lampu isyarat baharu bagi membolehkan pejalan kaki melintas pada jarak selamat.

"Apabila kerja-kerja penaiktarafan dijalankan, hanya sebahagian jejantas akan ditutup, manakala sebahagian lagi masih boleh diakses oleh pejalan kaki," katanya ketika mengadakan lawatan ke 'jejantas sotong' berhampiran Komtar di sini baru-baru ini.

Turut sama, Timbalan Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP, Ir. A. Rajendran.

Menurut Lai Heng, projek penaiktarafan tersebut termasuk membaik pulih fizikal jejantas tersebut, pemasangan lif bagi kemudahan orang kurang upaya (OKU) dan juga pemasangan tangga bergerak *(escalator)*.

"Saya berharap orang ramai terutamanya pejalan kaki dapat mematuhi arahan papan tanda yang diletakkan sekitar kawasan projek ini demi keselamatan dan keselesaan semua pihak.

"Mungkin akan timbul ketidakselesaan, tetapi ianya bersifat sementara, apabila siap kelak pada tahun hadapan, ia mampu mengurai kesesakan yang berlaku kini," ujar beliau.

Ensignia Construction Sdn. Bhd. (anak syarikat milikan penuh IGB Corporation Berhad) diberi tanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penaiktarafan jejantas ikonik yang berusia 22 tahun itu.



**TEH Lai Heng (kiri sekali) meninjau keadaan 'jejantas sotong' sambil ditemani Ir. A. Rajendran (tengah) dan kakitangan MBPP pada sesi lawatan beliau di sini baru-baru ini.**

# Rumah terbuka Aidilfitri KADUN warnai sambutan Syawal

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **PPK**

**PINANG TUNGGAL** – Seperti kelazimannya, acapkali sempena sambutan Aidilfitri, pimpinan negeri sama ada di peringkat pentadbiran mahupun masyarakat setempat pasti mengadakan majlis rumah terbuka meraikan kedatangan bulan Syawal sehingga ke penghujungnya.

Tradisi turun-temurun berkenaan pastinya disambut penuh meriah dengan budaya kunjung-mengunjung dikekalkan di mana-mana sahaja.

Namun, proses urbanisasi yang berlaku membuatkan tradisi rumah terbuka lebih menjadi pilihan kini yang mana majlis berkaitan diadakan di lokasi-lokasi terbuka seperti dewan-dewan orang ramai ataupun di hotel-hotel.

Apapun, sama ada rumah terbuka mahupun kunjung-mengunjungi dari rumah ke rumah, tradisi tersebut adalah ibarat pengikat kasih bagi mengeratkan lagi ikatan silaturahim yang sedia terjalin sebelum ini.

Di **PINANG TUNGGAL,** nasi daging berlauk, kambing bakar, roti telur meleleh dan ais krim '*kon kin kun*' antara 14 juadah yang dihidangkan untuk para tetamu di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal.



**MUHASDEY Muhamad (berbaju Melayu ungu) memerhatikan Mansor Othman (berdiri, barisan depan, tengah) yang sedang beramah-mesra dengan para pengunjung yang hadir.**

Juadah lain, antaranya apom balik 'meletop', lemang berdaging dan cendol boleh dinikmati secara layan diri.

Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad berkata, seramai 1,500 tetamu hadir pada majlis keraian itu.

Antaranya Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman, Ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan pimpinan masyarakat setempat.

Turut bertandang, Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain, Presiden Hospital D'BM, Zolkifly Md. Lazim dan Pakar Kanak-kanak Hospital KPJ, Bandar Perda, Dr. Zaidi Zakaria.

Di **SUNGAI ACHEH,** PPKnya, Azmi Samsudin mengadakan majlis rumah terbuka di Dewan Perda Sungai Acheh pada 9 Ogos lalu. Majlis tersebut dihadiri lebih 2,000 tetamu terdiri daripada pimpinan negeri, pimpinan tempatan dan warga Sungai Acheh.

Pelbagai juadah istimewa bercirikan kampung disajikan termasuk juadah tradisi, lemang buluh, ketupat palas, ketupat nasi dan rendang.

Di **TELUK AIR TAWAR**, Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri PPK Teluk Air Tawar diadakan di Dewan Panorama, Bagan Ajam, Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU) pada 9 Ogos lalu.

Lebih 2,000 orang hadir memeriahkan sambutan yang turut dihadiri oleh Mohd. Rashid dan isteri, Datin Norazizah Haron.

Bihun sup dan char kuetiau istimewa menjadi hidangan pilihan tetamu yang hadir.

PPKnya, Norhayati Jaafar turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur yang setia bersama-samanya buat tahun ketiga berhubung penganjuran majlis berkenaan.

Di **BERTAM** pula, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkesempatan hadir memeriahkan undangan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Parlimen Kepala Batas di Dewan Kompleks Sukan MPSP pada 11 Ogos lalu.

PPK Bertam, Asrol Sani Abdul Razak memberitahu, sambutan rumah terbuka tersebut merupakan yang julung kali diadakan secara bersama PPK Pinang Tunggal dan Ahli-ahli Majlis MPSP.

Pelbagai juadah istimewa disajikan termasuk roti jala istimewa dan laksa *'famous'* Pulau Pinang.

PPK Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid dan PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail turut mengadakan majlis serupa yang dihadiri oleh pemimpin tempatan di Dewan Balora Mastika, Balik Pulau.



**MANSOR Othman (tengah) dan Azmi Samsudin (lima dari kanan) merakam kenangan bersama-sama pimpinan masyarakat setempat.**



**PENGUNJUNG bersesak-sesak untuk mendapatkan juadah istimewa roti telur meleleh pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat KADUN Pinang Tunggal di sini baru-baru ini.**



**MOHD. Rashid Hasnon (duduk, tengah) dan isteri turut hadir memeriahkan sambutan Majlis Rumah Terbuka KADUN Teluk Air Tawar.**



**NORHAYATI Jaafar (duduk, tiga dari kanan) menyantuni perwakilan wanita pimpinan setempat yang hadir pada majlis rumah terbukanya di Bagan Ajam, SPU, baru-baru ini.**



**AZMI Samsudin (bersongkok) menyantuni para pengunjung yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka KADUN Sungai Acheh di sini baru-baru ini.**

# Pertama di MALAYSIA

## Rakyat Pulau Pinang menikmati dividen kerajaan baik

Pertama di Malaysia

DAFTARLAH SEKARANG! di pejabat ADUN ANDA!

### One-Off:

- **RM1,000** Urusan Jenazah
- **RM1,000** IPTA
- **RM200** Bayi dilahirkan di Pulau Pinang
- Pelajar (Tahun 1 & 4, Tingkatan 1 & 4)

### RM100 / tahunan :

- Warga Emas
- Ibu Tunggal
- OKU
- Suri Rumah

**RM100 sebulan**: Penarik Beca

**RM600 tahunan :** Pemandu Teksi

**Sumbangan pukat 2 kali setahun**: Nelayan

*Tertakluk pada syarat

# Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat

# KALENDAR SUKAN MASSA 2015 (Julai - Sept.)

## JULAI

26 Julai : "Bone to Run 2015 Charity Fun Run"
Masa : 7.00 pagi
Tempat : Straits Quay Tanjung Tokong Penang
Penganjur : Mount Miriam Cancer Hospital Penang
Telefon : 04-8923873 / 012-4802235 (En. Keith Tan)
Email : keith@mountmiriam.com

## OGOS

9 Ogos : Kwong Wah Yit Poh Penang Hill Climb
Masa : 7.00 pagi
Tempat : Taman Perbandaran Belia
Penganjur : Kwong Wah Yit Poh
Telefon : 04-2612312 / 012-4052934 (Koma Leong)
Email : komaleong@yahoo.com

16 Ogos : MPSP Tower Run
Masa : 7.00 pagi
Tempat : MPSP Bandar Perda,
Penganjur : LA Vintage Events
Telefon : 012-4401398 (Shaun Ng)
Email : info@mpsptowerrun.com.my

16 Ogos : Tanjung 10KM Run
Masa : 7.00 pagi
Tempat : Padang Polo
Penganjur : PAAA
Telefon : 016-4628260 (Govindasamy)
Email : govind0101@hotmail.com

23 Ogos : FMM Penang Futsal Carnival 2015
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Seberang Jaya
Penganjur : Federation of Malaysian Manufacturers
Telefon : 04-3992057 / 019-4111229 (Dato' Dr. Ooi Eng Hock)
Email : fmmpenang@fmm.org.my

29-30 Ogos : 100KM Ultra Marathon
Masa : 10.00 malam
Tempat : SJKC Kampung Sungai Lembu
Penganjur : JKKK Sungai Lembu & Endurance Nature
Telefon : 013-32776289 (Ng Seow Kong)

30 Ogos : Delta Eco Night Run 2015
Masa : 6.00 petang
Tempat : Taman Perbandaran Belia
Penganjur : Delta Business Solutions
Telefon : 012-4880800 (Choo Eng Hin)
Email : ceh@deltaonline.com.my

## SEPTEMBER

6 Sep. : Penang Peace Run
Masa : 7.30 pagi
Tempat : Taman Perbandaran Belia
Penganjur : Service Civil International (SCI)
Telefon : 012-4921442 (Ravichandar)
Email : ravi.eda4all@gmail.com

18 & 19 Sep. : GSN 3V3 Floorball Tournament
Masa : 8.00 pagi - 6.00 petang
Tempat : Balai Rakyat Pasar Awam, Balik Pulau
Penganjur : Gateway Sports Network & Persatuan Floorball P. Pinang
Telefon : 016-2887809 (Christopher Koh)
Email : topher.koh@gmail.com

20 Sep. : Guang Ming Bukit Jambul Hikathon
Masa : 7.00 pagi
Tempat : Kawasan Mendaki Bukit Jambul
Penganjur : Kelab Pendaki Bukit Jambul
Telefon : 016-4042099 (Lim Beng Chuan)
Email : limbengchuan@yahoo.com

26 - 27 Sep. : Penang Ultra 100KM Run
Masa : 5.30 pagi
Tempat : Padang Kota Lama
Penganjur : E-Youth Association
Telefon : 012-4281805 (Andrew Loh)
Email : andrewllh@hotmail.com / meiyeap@gmail.com